



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD AZIZI BIN ZAINUDDIN

TIMBALAN PENGARAH DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN  
(PPAK)

OLEH:

ALLYSSA ATHIRA BINTI MOHD BAKRI	2017735767
NURUL RASYIQAH BINTI AB AZIZ	2017195611

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC – JULAI 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD AZIZI BIN ZAINUDDIN  
TIMBALAN PENGARAH DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN  
(PPAK)

OLEH:

ALLYSSA ATHIRA BINTI MOHD BAKRI	2017735767
NURUL RASYIQAH BINTI AB AZIZ	2017195611

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC – JULAI 2019)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Dalam melaksanakan tugas kami, ia adalah satu kejayaan yang kami terpaksa mengambil bantuan dan pedoman sesetengah orang yang dihormati. Pertama sekali, kami bersyukur kepada Allah yang memberi kami kesihatan minda dan bunyi yang baik untuk mencapai tugas kami.

Penyempurnaan laporan itu memberi kami keseronokan. Tetapi itu bukan kredit kami dalam usaha ini. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana memberi kita panduan yang baik untuk tugas ini. Dia memberi inspirasi kepada kami untuk bekerja dalam projek ini. Kesediaannya untuk memberi motivasi kepada kami memberi sumbangan besar kepada projek kami. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kerana menunjukkan kepada kami beberapa contoh yang berkaitan dengan topik projek kami.

Seterusnya kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli kumpulan tugas ini, Allyssa Athira Binti Mohd Bakri dan Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz kerana memberikan kerjasama yang baik dalam menyelesaikan tugas ini. Sebenarnya tidak mungkin kami menyelesaikan tugas yang teruk tanpa bantuan sedemikian.

Akhirnya, satu penghormatan yang mulia datang kepada keluarga dan rakan-rakan kami untuk memahami dan menyokong kami dalam menyelesaikan projek ini. Tanpa bantuan yang disebutkan di atas, kita akan menghadapi banyak kesukaran semasa melakukan ini. Jadi kami berdoa sepanjang hayat dan kesihatan yang baik untuk semua orang yang telah membantu dan bekerjasama kami dalam penyelidikan tugas kami.

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini adalah antara pelajar dan tokoh iaitu Encik Mohd Azizi Bin Zainuddin mengenai latar belakang beliau dan sejarah bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK). Beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan sehingga sekarang. Beliau bekerja di PPAK sudah hampir tujuh (7) tahun. Projek pendokumentasian sejarah lisan ini dijalankan di pejabat beliau di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan pada 28 April 2019. Pendokumentasian sejarah lisan ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau, pekerjaan awal hingga kini dan sejarah pendidikan. Selain itu, beliau turut berkongsi cerita mengenai sejarah bangunan PPAK. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) bermula dengan nama Perpustakaan Umum Carnegie yang ditubuhkan pada tahun 1938 hasil bantuan sebanyak 1,000.00 pound sterling dari Yayasan Carnegie di New York dan RM 2,500.00 dari Kerajaan Negeri. Bangunannya terletak di Jalan Doktor, Kota Bharu. Beliau berharap agar PPAK akan dapat dikenali ramai dan berjaya melahirkan sebuah masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan kerana bangsa yang cintakan ilmu bangsa yang membaca itulah bangsa yang berjaya.

**Kata kunci:** Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Encik Mohd Azizi, latar belakang, sejarah, bangunan, tokoh

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v-vi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-04
Bahagian 2: Pekerjaan Awal Hingga Kini.....	05-14
Bahagian 3: Sejarah Pendidikan.....	15-18
Bahagian 4: Asal-usul Bangunan.....	18-44
• Sejarah	
• Rekabentuk	
• Pentadbiran	
• Kejayaan	
Bahagian 5: Cabaran, Sumbangan dan Harapan.....	44-57
Lampiran	
Log Wawancara.....	vii-xiii
Diari Kajian.....	xiv-xv
Senarai soalan.....	
Surat Perjanjian.....	
Gambar.....	xvi-xvii
Indeks.....	xviii

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



<b>Nama</b>	:	Mohd Azizi bin Zainuddin
<b>Nama Panggilan</b>	:	Encik Azizi
<b>Tarikh Lahir</b>	:	7 April 1980
<b>Keturunan</b>	:	Melayu
<b>Alamat Rumah</b>	:	Kampong Dusun Masar, Kadok Ketereh Kota Bharu Kelantan
<b>Taraf Perkahwinan</b>	:	Berkahwin
<b>Pekerjaan</b>	:	Timbalan Pengarah di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
<b>Warganegara</b>	:	Malaysia

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Transkrip wawancara bersama Encik Mohd Azizi Bin Zainuddin yang lebih dikenali sebagai Encik Azizi ini telah dijalankan pada 28 April 2019 bersamaan hari Ahad di pejabat beliau di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK). PPAK terletak di Jalan Doktor, Kota Bharu, Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui latar belakang tokoh dan sejarah bangunan PPAK. PPAK ini dikategorikan sebagai bangunan bersejarah kerana bangunan ini ditubuhkan pada tahun 1938.

Transkrip wawancara ini dijalankan selama satu jam satu minit. Penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada sejarah bangunan iaitu dari segi rekabentuk, pentadbiran dan lain-lain lagi. Mulai tahun 1963, langkah-langkah pemulihan mula dijalankan peruntukan tahunan sebanyak RM2,500.00 untuk perbelanjaan pengurusan dan pembelian bahan-bahan bacaan perpustakaan. Manakala pada 1964, peruntukan telah bertambah kepada RM 5,000.00. Mulai 1hb Januari 1965, pentadbiran perpustakaan telah diambil alih oleh Jumaah Amanah Perpustakaan Umum Carnegie. Hasil usaha Ahli Jumaah, perpustakaan ini mula dibuka kepada umum pada 1hb. Julai 1967.

Dengan berkuat kuasa Enakmen No. 14 Tahun 1973, Perpustakaan Umum Carnegie mula dikenali sebagai Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Pada masa itu, perpustakaan hanya di kendalikan oleh 3 orang kakitangan sahaja iaitu 2 kerani rendah dan seorang pelayan pejabat. Sehingga 1978. sumbangan dari kerajaan negeri adalah sebanyak RM 5,000.00 setahun. Walau bagaimanapun peruntukan tahunan ditambah mulai 1979 – 1982 iaitu RM 35,000.00 setahun dan kakitangan juga bertambah kepada 6 orang.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.5 juta untuk pembinaan bangunan baru. Bangunan setinggi 3 tingkat dengan keluasan 31,000 kaki persegi di atas tapak seluas 1.13 ekar tersergam di Jalan Mahmood, Kota Bharu, Kelantan. Urusan pembinaan dimulakan pada April 1981 dan siap sepenuhnya pada Oktober 1982 dengan belanja yang meningkat hampir RM 4 juta. Mulai 15hb. Februari,

1983 perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai dan di rasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan 1hb April 1983 dan secara rasminya telah dibuka kepada orang ramai.

Penubuhan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan ini antara lain ialah bertujuan untuk mengurus, menyelenggarakan dan memperluaskan penggunaan buku dan juga bahan-bahan perpustakaan kepada masyarakat.

Setakat ini Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah mempunyai 7 buah perpustakaan cawangan, 1 perpustakaan komuniti dan 3 buah perpustakaan desa. Perkembangan ini menunjukkan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan perlu kepada penambahbaikan yang lebih baik kerana jumlah perpustakaan di daerah-daerah dan kampung-kampung masih lagi perlu ditingkatkan. Kini, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dalam usaha untuk membuka 2 buah lagi cawangan di Daerah Machang dan Tanah Merah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan terbahagi kepada Ibu Pejabat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Allyssa Athira Binti Mohd Bakri** dan **Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz** bersama **Encik Mohamad Azizi** mengenai **latar belakang dan sejarah bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan** yang ditubuhkan pada tahun 1938 hingga kini. Temubual ini dijalankan di **Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan** pada **28 April 2019** bersamaan hari Ahad. Tujuan temubual ini adalah untuk memenuhi subjek Pengdokumentasian Lisan (IMR604). Selain itu, temubual ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejarah bangunan. Hasil daripada temuramah ini akan dibukukan dan di simpan serta di pamerkan di bilik sumber UiTM Kampus Machang supaya dapat dirujuk pada masa akan datang. Temubual ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu bahagian latar belakang tokoh, bahagian pekerjaan awal hingga kini, bahagian sejarah pendidikan, bahagian asal usul bangunan dan bahagian cabaran, sumbangsan dan harapan.

Petunjuk:

EA: Encik Azizi Bin Zainudin

NR: Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

Assalamualaikum tuan, saya Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz, dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Machang. Sebelum kita bermula ini, saya ingin menemubual tuan mengenai latar belakang tuan.

**NR : Apakah nama penuh tuan?**

EA : Walaikumussalam w.r.t, nama saya Mohd Azizi bin Zainuddin

**NR : Apakah nama samaran tuan?**

EA : Nama samaran saya, *kalu* [kalau] di pejabat ni *ore* [orang] panggil Encik Azizi, kalau *kat* [dekat] rumah *tu* [itu] *ore* [orang] panggil Azizi, ada yang panggil zi

**NR : Bilakah tuan dilahirkan dan berapakah usia tuan sekarang?**

EA : Okay, saya dilahirkan pada 7 [tujuh] April 1980 [sembilan belas lapan puluh], jadi usia saya sekarang 39 [tiga puluh sembilan] tahun

**NR : Dimanakah tuan dilahirkan?**

EA : Saya dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan

**NR : Dimanakah tuan dibesarkan?**

EA : Saya dibesarkan di Kampong Dusun Masar, Kadok Ketereh Kota Bharu Kelantan

**NR : Berapakah bilangan adik-beradik tuan dan tuan anak yang ke berapa?**

EA : Saya dari keluarga yang besar, saya ada 11 [sebelas] orang adik beradik dan saya yang ke 7 [tujuh] daripada 11 [sebelas]

**NR : Siapakah nama bapa tuan?**

EA : Bapa saya bernama Zainuddin Bin Hussin

**NR : Apakah pekerjaan bapa tuan?**

EA : Okay, bapa saya *dio* [dia] banyak *kijo* [kerja] *dio* [dia] *wak* [buat], tapi *hok* [yang] utama *nyo* [nya] dia ni sebagai tukang rumah yang utama *tuke* [tukang] rumah dan juga petani tapi dia lebih kepada *tuke* [tukang] rumah

**NR : Siapakah nama ibu tuan?**

EA : Ibu saya bernama Siti Ramiyah Binti Yahya

**NR : Apakah perkerjaan ibu tuan?**

EA : Ibu saya dia suri rumah, suri rumah tangga

**NR : Adakah tuan sudah berkahwin?**

EA : Ya, Alhamdulillah, saya sudah berkahwin

**NR : Pada tahun bilakah tuan berkahwin dan berapakah usia tuan ketika itu?**

EA : Saya berkahwin pada tahun 2007 [dua ribu tujuh], umur saya pada masa tu 27 [dua puluh tujuh] tahun

**NR : Siapakah nama isteri tuan?**

EA : Isteri saya bernama Nur Harizan Binti Ya

**NR : Berapakah usia isteri tuan?**

EA : Usia isteri saya baru 20 [dua puluh] (ketawa) baru 38 [tiga puluh lapan] tahun, dia muda setahun daripada saya

**NR : Apakah pekerjaan isteri tuan sekarang?**

EA : Isteri saya bekerja sebagai pembantu pengurusan murid di sekolah

**NR : Dimanakah isteri tuan berasal?**

EA : Isteri saya berasal daripada Pintu Geng, Kota Bharu

**NR : Tuan mempunyai berapa orang anak?**

EA : Alhamdulillah, sehingga hari *ni* [ini], saya telah dikurniakan 3 [tiga] orang anak

**NR : Siapakah nama anak-anak tuan?**

EA : Okay, anak-anak saya yang pertama sekali bernama Nur Adlin Nazurah, yang kedua bernama Mohd Asfar Nafis dan yang ketiga bernama Nur Aisyah Nazlin

**NR : Adakah anak-anak tuan telah bekerja sekarang?**

EA : Belum lagi. Anak-anak saya masih kecil lagi, yang sulung baru darjah lima [5], yang kedua darjah satu [1] dan sorang [seorang] tu [itu] baru empat [4] tahun

**NR : Adakah semua anak-anak tuan masih bersekolah?**

EA : Dua sudah bersekolah dan 1 [satu] tu [itu] belum bersekolah lagi, 1 [satu] masih *duk* [duduk] rumah pengasuh la belum sekolah lagi 2 [dua] baru bersekolah

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PEKERJAAN AWAL HINGGA KINI**

Soalan seterusnya ialah mengenai serba sedikit tentang latar belakang pekerjaan tuan seperti pekerjaan awal tuan sehingga ke pekerjaan sekarang. Soalan pertama ialah:

**NR : Apakah pekerjaan awal tuan setelah tamat pengajian?**

EA : Okay, kalau dikatakan tamat pengajian, kalau saya *dah* [sudah] pernah ambil daripada SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Okay, dulu saya belajar di politeknik sebelum saya bekerja di sini saya belajar di politeknik saya pernah menjawat la jawatan sebagai selepas belajar tamat belajar di politeknik tu saya pernah bekerja sebagai *site supervisor* [penyelia tapak] di tapak bina. *Site supervisor* [penyelia tapak] bidang *civil engineering* [kejuruteraan awam] jadi masa *tu* [itu] saya bekerja di Cheras, Kuala Lumpur di bawah syarikat sebuah syarikat Lion Group. Saya menyelia projek perumahan pada masa tersebut dan selepas daripada pekerjaan saya yang pertama *tu* [itu], saya telah memohon bekerja dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] dan tidak berapa lama, lebih kurang setahun ke 6 [enam] bulan saya bekerja dekat syarikat Lion Group *tu* [itu] saya telah ditawarkan bekerja dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] sebagai juruteknik pada masa tersebut. Saya ingat lagi saya masuk bekerja pada 28/8/2001 [dua puluh lapan haribulan lapan dua ribu satu] di Fakulti Seni Persembahan di Seksyen 13 [tiga belas] Shah Alam. Daripada situ saya menjawat jawatan sebagai juruteknik dan saya walaupun saya dari *civil* [awam], tapi pada masa *tu* [itu] saya diberi tugas untuk menjawat jawatan sebagai juruteknik yang lebih terlibat kepada audiovisual kerana fakulti *tu* [itu] adalah fakulti filem jadi fakulti filem banyak peralatan kamera peralatan audiovisual yang saya perlu uruskan dan selepas saya menjawat jawatan juruteknik di Shah Alam *tu* [itu] saya telah --- pejabat saya pada masa tersebut ditukar ke Puncak Perdana kerana fakulti tu berpindah ke stadium Shah

Alam saya ingat fakulti saya tu berpindah ke Shah Alam tu kita menyewa UiTM [Universiti Teknologi Mara] menyewa. UiTM [Universiti Teknologi Mara] banyak menyewa sana sini kan, menyewa pahtu [selapsa itu] kita *dah* [sudah] dapat bangunan yang tetap di Puncak Perdana jadi berpindah ke Puncak Perdana tapi masih lagi dengan jawatan yang sama dan selepas itu saya berkahwin dan masa saya berkahwin saya minta tukar ke Kelantan dan saya telah ditempatkan, mula-mula saya balik saya ditempatkan di UiTM [Universiti Teknologi Mara] Kota Bharu di unit ILCAM, saya tak ingat nama unit ILCAM ke ILHAM, saya *tak* [tidak] berapa ingat. Okay, tapi jawatan masih yang sama dan pada masa tersebut saya dan berapa orang kawan mengambil keputusan untuk sambung belajar, tapi sebelum *tu* [itu] saya sambung belajar di peringkat diploma di politeknik dan saya balik disini saya menyambung pelajaran bidang Pengurusan Maklumat dan *tak* [tidak] berapa lama sebelum saya tamat belajar, saya telah mendapat, saya telah membuat permohonan jawatan nak dapat bekerja dengan jawatan sekarang sebagai pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.

**NR : Apakah tanggungjawab dan tugas tuan sewaktu bekerja sebelum ini?**

EA : Kalau dalam bidang juruteknik *tu* [itu] saya lebih kepada menjaga peralatan, peralatan audiovisual, peralatan-peralatan untuk pelajar-pelajar keluar *shooting* [penangkapan] saya kena pastikan peralatan *tu* [itu] tersedia dan saya perlu *briefing* [taklimat] pada pelajar bagi sikit taklimat pada pelajar macam mana cara untuk menggunakan peralatan-peralatan tersebut dan pastikan pelajar tersebut mengguna dengan betul dan dipulangkan dalam masa yang ditetapkan. Itu kalau masa saya juruteknik dan begitu juga di Kota Bharu pun, sama terlibat dengan

audiovisual tapi sekarang dengan jawatan sekarang ni sebagai pustakawan saya juga sebagai merangkap sebagai Timbalan Pengarah dekat sini. Saya bekerja dekat sini lebih kepada menyelaras kerja-kerja yang diarahkan oleh pengarah di peringkat pentadbirannya maknanya kalau pengarah nak buat sesuatu projek, maka saya orang yang mengarahkan siapa yang membuat kerja *ni* [ini], siapa yang akan bertindak sebagai *event manager* [pengurus majlis], siapa yang akan bertindak sebagai teknikalnya, jadi saya antara orang yang akan menyusun atur dari segi peringkat penyelaras kerja. Jadi begitu juga saya orang yang banyak membuat perancangan dari segi macam mana cara nak mempromosikan perkhidmatan pustakaan dan dari segi projek-projek pun saya banyak terlibat dengan kertas, *paperwork* [kertas kerja]. *Paperwork* [kertas kerja] dari segi apakah objektif-objektif yang perlu dicapai dalam membuat sesuatu projek *tu* [itu] dan pastikan setiap pekerjaan yang kita buat *tu* [itu] berjaya mencapai objektif yang kita tetapkan dan saya juga di sini dari segi kawalan kakitangan, makna kakitangan-kakitangan, penolong-penolong pegawai, ketua-ketua unit di bawah saya, saya yang bertanggungjawab kepada semua kakitangan dibawah penyeliaan saya termasuklah di cawangan-cawangan di seluruh negeri Kelantan. Jadi kita ada di negeri Kelantan kalau pustakaan ni kita ada pustakaan cawangan kita ada 7 [tujuh] perpustakaan desa yang dibawah negeri sendiri adalah sebanyak 3 [tiga] dan perpustakaan desa perpustakaan negara Malaysia kita ada 34 [tiga puluh empat] buah jadi semua *tu* [itu] saya orang yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia bermula daripada pengurus cawangan sehingga kepadan anak-anak buah dan saya juga terlibat dalam perancangan aktiviti galakan membaca jadi saya akan perlu mengambil tahu apa yang dirancang, apa yang akan dibuat dan apakah langkah-langkah yang perlu kita ambil untuk menjadikan masyarakat kita ni

sebuah masyarakat yang mempunyai budaya membaca. Itulah antara serba sedikit tugas-tugas saya di sini.

**NR : Berapa lamakah tuan bekerja di situ?**

EA : Kalau dengan *site supervisor* [penyelia tapak] tadi lebih kurang dekat dengan hampir setahun kalau dekat dengan jawatan juruteknik *tu* [itu] 10 [sepuluh] tahun dan di PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] sahaja sudah hampir 7 [tujuh] tahun. Inshaa Allah.

**NR : Apakah pencapaian paling tinggi tuan di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?**

EA : Kalau di UiTM [Universiti Teknologi Mara] walaupun saya juruteknik saya banyak terlibat dengan pensyarah-pensyarah, jadi saya ni suka buat projek. Pensyarah-pensyarah pernah kita punya projek menang pertandingan filem. Saya ingat lagi pertandingan filem peringkat RTM [Radio Televisyen Malaysia], kita pernah menang tempat pertama dalam salah satunya *general* [umum] filem pendek tapi saya *tak* [tidak] ingat tajuk dia sebab *dah* [sudah] lama. Masa tu pengarah dia Hattar Al-Zakhan, Dr Hattar Al-Zakhan. Sekarang ni beliau adalah pengarah aswara sekarang ni. Okay, dan beberapa lagi filem-filem pendek yang kita buat telah banyak menang dan juga ada satu filem, filem yang saya sertai juga tajuknya filem wayang. Filem tu ditayangkan di Layar Perak dipawagam. Filem tersebut telah menang anugerah filem Malaysia, anugerah filem terbaik dalam pertandingan festival filem Malaysia tahun, saya tak ingatlah tahun berapa dan juga diarahkan oleh Hattar Al-Zakhan dan saya terlibat juga dengan filem tersebut. Terlibat secara langsung juga dalam filem tersebut dan sebab walaupun saya

juruteknik saya terlibat, saya minat juga benda-benda macam *tu* [itu]. Saya minat *join* [menyertai] dengan semua aktiviti-aktiviti yang ada. Jadi kerja kita tidak terbatas dalam ruang skop pekerjaan dan di UiTM [Universiti Teknologi Mara] juga saya pernah dapat sebagai anugerah pekerja cemerlang. Pekerja cemerlang dan saya juga di UiTM [Universiti Teknologi Mara] saya terlibat juga dengan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif], pernah menyertai pertandingan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] dan menjadi ketua kumpulan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] untuk UiTM [Universiti Teknologi Mara] Kota Bharu dan semasa di UiTM [Universiti Teknologi Mara] juga saya adalah pelajar dan juga *staff* [pekerja] saya pernah --- pingat emas pertandingan IID [Inovation Invension and Design] di UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Beberapa kali juga saya menang (ketawa) IID [Inovation Invension and Design] *tu* [itu] 2 [dua] kali ke 3 [tiga] kali saya ingat dan kalau dekat sini pun saya juga telah berjaya menujuhkan kumpulan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] dan kumpulan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] peringkat mula-mula *tu* [itu] telah pernah memenangi peringakat pertama di negeri Kelantan dan berjaya di bawa ke peringkat kebangsaan dan sehingga kini kumpulan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] *tu* [itu] masih ditubuhkan dan peringkat --- saya jadi penyelaras, saya yang selaras. Saya juga pernah ada satu pertandingan dekat sini, sebelum ni *tak* [tidak] ada di perpustakaan. Pertandingan reka cipta dan inovasi dan saya dapat *sponsor* [penaja] daripada petronas. Petronas bagi *sponsor* [penaja] RM30,000 untuk membuat program. Jadi itu julung kalinya kita buat, mendapat penyertaan 100 lebih penyertaan daripada seluruh Malaysia. Pada asalnya nak buat untuk Kelantan sahaja tapi ada juga daripada pihak luar yang terlibat berminat untuk masuk. Jadi

kita benarkan. Jadi beberapa lagi kejayaan seperti banyak aktiviti-aktiviti program-program yang sebelum ni *tak* [tidak] ada di perpustakaan, bila saya *start* [mula] kerja dekat sini banyak yang saya bawa. Orang kata membawa pengalaman saya daripada luar buat masuk dalam ni dan itu juga dari segi rakan strategik. Sebelum ni perpustakaan *tak* [tidak] berapa aktif dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara], dengan tapi bila saya masuk saya ada geng ramai di UiTM [Universiti Teknologi Mara] jadi saya import kawan-kawan saya daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] *ni* [ini] tolong bangunkan perpustakaan dan sehingga kini Alhamdulillah banyak program yang kita buat dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] dengan UMK [Universiti Malaysia Kelantan] dan pelbagai agensi-agensi. Jadi banyak perkembangan yang terjadi sepanjang 7 [tujuh] tahun saya duduk di perpustakaan ini, insha Allah.

**NR : Mengapakah tuan berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan tuan?**

EA : Okay, saya sebenarnya *tak* [tidak] tahu macam mana bermula saya boleh minat dalam bidang ini. Pada mula asalnya sahabat saya, saya ingat nama dia Khairil, sekarang ni dia masih bekerja di UiTM [Universiti Teknologi Mara], masa saya mula masuk saya balik di negeri Kelantan, dia kata daripada kita duduk je [sahaja], baik kita sambung belajar. Saya fikir-fikir, betul juga si Khairil ni, jadi saya sahut seruan dia untuk sambung belajar, masa tu PLK [Pelajar Luar Kampus] dekat Kampus Kota Bharu, jadi kita pun minta, bila minta saya pun dapat dan beberapa orang kawan. Bila masuk *tu* [itu], best [terbaik] juga kursus ni, sebab saya biasa belajar *engineering* [kejuruteraan], bila saya masuk IM [Information Management], saya rasa IM [Information Management] senang. Tapi orang kata

susah kos IM [Information Mangement], kos IM [Information Management] ni kursus yang system kan. Pada saya ia tak susah pasal sebab saya belajar *engineering* [kejuruteraan]. Bila saya belajar *engineering* [kejuruteraan], saya rasakan IM [Information Mangement] dengan *engineering* [kejuruteraan] ni, 3 [tiga] kali ganda IM [Infromation Management] lagi senang. Maknanya IM [Infromation Management] *ni* [ini], bukan benda yang susah, *tak* [tidak] ada mencabar sangat dari segi kos pengajiannya kalau nak banding dengan *engineering* [kejuruteraan], sebab *engineering* [kejuruteraan] banyak formula yang kena ingat, nak buat *training* [latihan]. Jadi pada situ saya rasa kos *ni* [ini] bagus sebenarnya daripada saya menyelami. Banyak manfaat yang ada dalam kos IM [Infromation Management] sebab ia mungkin berkaitan dengan maklumat. Ia berkaitan dengan macam mana kita nak *develop* [membangunkan] seorang manusia berfikir, macam mana kita nak buat seseorang manusia *tu* [itu] supaya boleh bertindak dengan betul berdasarkan kepada maklumat yang betul, berdasarkan sumber maklumat yang betul. Jadi daripada situ timbul yang bagusnya kursus IM [Infromation Management]. Ada kepentingan sebab manusia boleh buat keputusan yang salah, dengan sumber yang salah, dia pun jadi orang yang salah. Jadi bila saya masuk bidang kerja ni, masuk pula bidang perpustakaan *ni* [ini] saya sering pergi berceramah dekat sekolah, berceramah dekat banyak tempat dan saya dapat jemputan. Jadi situ peluang saya untuk saya sikit-sikit *develop* [membangunkan]. Yang utama sekali saya suka bercakap tentang dakwah keislaman. Jadi saya bawa maklumat *tu* [itu] di dalam ceramah-ceramah saya dan saya juga salah seorang, terlupa nak bagitahu saya juga ada *certificate* [sijil] bertauliah dia panggil apa saya *tak* [tidak] ingat program, tapi saya dekat SUK [Setiausaha Kerajaan] Negeri Kelantan saya salah seorang ahli akrab, jadi ahli

akrab *ni* [ini] rakan psikologi, jadi saya ambil juga bidang psikologi sikit dalam kursus akrab *tu* [itu]. Jadi boleh saya bawa ilmu yang ada pada saya ni untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang, terutama sekali tentang berkaitan dengan cara ilmu pengetahuan, berkaitan dengan ketuhanan, berkaitan dengan islam, kenapa kita dan masyarakat *ni* [ini] perlu kepada ilmu pengetahuan. Jadi itu menyebabkan saya rasa minat dengan pekerjaan *ni* [ini] dan banyak benda yang kita boleh bantu. Lagipun saya selalu keluar berjumpa dengan orang *tu* [itu], berjumpa dengan orang *ni* [ini], saya suka menyebabkan saya rasa jiwa saya *ni* [ini] boleh membantu orang, bukan kata duduk dalam pejabat *je* [sahaja], *takde* [tiada]. Kadang-kadang dalam seminggu *tu* [itu] ada rajin nak keluar pergi-pergi sekolah jumpa cikgu dan banyak jumpa dengan orang. Kita boleh bagi banyak sumbangan kepada masyarakat kita.

**NR : Pernahkah tuan menerima anugerah semasa bekerja disitu?**

EA : Anugerah yang saya terima antaranya kalau di UiTM [Universiti Teknologi Mara] *tu* [itu], tadi anugerah yang masuk pertandingan pernah mendapat anugerah emas, pingat IID [Inovation Invension and Design] dan kalau dalam perkhidmatan, saya pernah mendapat anugerah cemerlang daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara]. *Kat* [dekat] sini belum lagi. *Kat* [dekat] sini lebih memberi kepada kakitangan-kakitangan bawah saya sebab *kat* [dekat] sini terhad. Seorang setahun *je* [sahaja] boleh bagi kepada anak buah, kita *tak pe* [tidak mengapa], kita bagi kepada orang-orang yang, bagi *appreciate* [penghargaan] sikit kepada *staff-staff* [pekerja-pekerja] orang kita ni kan. Jadi *tak* [tidak] tahu macam *tu* [itu].

**NR : Adakah pekerjaan tersebut membantu tuan dari segi kewangan atau pembelanjaan?**

EA : Alhamdulillah, bila kita bekerja orang kata untuk mencari rezeki kan, walaupun apa pekerjaan kita, janji pekerjaan kita *tu* [itu] halal dan Alhamdulillah pekerjaan *ni* [ini] memberi sedikit sebanyak memberi sumber rezeki kepada saya dan juga banyak membantu dalam kita nak menguruskan sumber kewangan dalam kehidupan seharian. Nak kata gaji mahal *tu* [itu] *tak* [tidak] ada, tapi boleh nak menyara kehidupan diri sendiri dan keluarga, Alhamdulillah.

**NR : Apakah halangan tuan dalam memilih pekerjaan tersebut?**

EA : Sebenarnya pada saya *tak* [tidak] ada halangan. Halangan yang terbesar, apa-apa kerja yang kita buat adalah diri kita sendiri. Kita kena kenal diri kita. Kena mengetahui apakah kelemahan kita dan kita *tak* [tidak] boleh tengok itu sebagai satu kelemahan, kena tengok kelemahan kita adalah satu potensi untuk kita pulih baik diri kita. Kadang-kadang kita suka *blame* [salahkan] seseorang kan sebenarnya kita kena *blame* [salahkan] diri kita dulu sebab apabila kita tengok satu pekerjaan tu sebab saya punya falsafah mudah *je* [sahaja]. Macam saya tampal ni kan, ‘Satu-satunya cara untuk melakukan kerja yang terbaik adalah dengan menyukai apa yang anda lakukan’. Kalau kita rasa kita nak benda *tu* [itu], kita kena berusaha kearah situ. Jadi, halangan *tu* [itu] memang ada, tapi kita jangan tengok *tu* [itu] sebagai satu halangan, kita kena tengok itu sebagai peluang. Peluang untuk kita menambah lagi kita punya *skill* [kemahiran], sebab dari segi pekerjaan, suatu pekerjaan dia akan sentiasa berubah-rubah. Dalam masyarakat yang dinamik pada hari ini, perkhidmatan awam tidak seperti dulu. Masyarakat *ni* [ini] perlukan perkhidmatan yang pelbagai. Kalau dulu perpustakaan hanya

pinjam buku hantar buku. Jadi sekarang *ni* [ini] banyak kena buat program kena masuk sana sini, contohnya hari *tu* [itu] kita pergi masuk hutan, kita buat program dekat orang asli. Dekat PUSTOHOI. Jadi, orang kata “pustaka buat program macam *ni*?” *Yes* [ya], perpustakaan sekarang perlu keluar, perlu jumpa dengan orang bawa perkhidmatan servis walaupun dalam hutan kita perlu bawa. Jadi itu, antara perkhidmatan yang kita pelbagaikan kita bagi nilai tambah. Kalau nak kira halangan memang, susah masuk hutan, pergi jumpa orang *tu la* [itu la] kan tapi halangan tu [itu] kita kena atasinya, kita kena nampak itu sebagai satu peluang untuk kita menambahkan lagi kita punya value added [nilai tambah], kepada servis kita.

**NR : Apakah pekerjaan tuan sekarang?**

EA : Sekarang saya menjawat jawatan sebagai pustakawan dan juga sebagai merangkap sebagai Timbalan Pengarah. Itu pekerjaan saya yang sekarang.

**NR : Sejak bilakah tuan bekerja di tempat tersebut?**

EA : Okay, saya bekerja, 2012 [dua ribu dua belas]. Saya mula bekerja di sini pada tahun 2012 [dua ribu dua belas] *dah* [sudah] hampir 7 [tujuh] tahun.

**NR : Mengapakah tuan bekerja di situ?**

EA : Okay, saya bekerja disini kerana iyanya sesuai dengan pengurusan akademik saya dan yang kedua nya saya minat bidang pekerjaan ini, saya minat dan saya belajar benda ini, saya bertambah lagi minat dan Alhamdulillah Allah Taala permudahkan jalan untuk saya menjawat jawatan di sini.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: SEJARAH PENDIDIKAN**

Bahagian seterusnya ialah mengenai latar belakang pendidikan tuan. Di bahagian ini, tuan akan ditanya mengenai latar belakang pendidikan tuan iaitu dari Sekolah Rendah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai oleh tuan. Soalan pertama ialah:

**NR : Dimanakah tuan bersekolah rendah dan menengah?**

EA : Saya mula bersekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Ketereh. Kalau sekarang orang panggil Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Ketereh di Ketereh. Di bandar Ketereh sekolahnya dan sekolah menengah tingkatan 1 [satu] hingga tingkatan 3 [tiga] saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Ketereh dan tingkatan 4 [empat] dan tingkatan 5 [lima] saya telah bertukar sekolah di sekolah menengah di Kadok. Kadok juga di kawasan Ketereh juga.

**NR : Apakah percapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh puan/tuan semasa di peringkat sekolah?**

EA : Di peringkat sekolah. Peringkat sekolah saya *tak* [tidak] berapa ingat tapi kalau kata keputusan akademik saya *takde* [tiada] cemerlang sangat. Cuma SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu] boleh pangkat satu. Pangkat 1 [satu] 18 [lapan belas] *aggregate* [agregat] saya ingat. *Tak* [tidak] ingat berapa A berapa B. Cuma percapaian tertinggi pada saya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Percapaian lain saya sebab *tak* [tidak] *reti* [pandai] sangat, sukan saya aktif tapi tidak sampai wakil sekolah. Cuma dari segi akademik *je* [sahaja]. Akademik *tu* [itu] maknanya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu]. Saya baru menonjol. Kalau sebelum-sebelum *tu* [itu] saya biasa-biasa saja. *Takde* [tiada] cemerlang sangat. Bila naik tigkatan 5 [lima] baru saya mengambil keputusan, tak leh [tidak boleh], kena belajara besungguh-sungguh. Jadi Alhamdulillah dengan *result* [keputusan] SPM [Sijil

Pelajaran Malaysia] *tu* [itu] Alhamdulillah. Boleh membawa saya untuk sambung belajar.

**NR : Semasa di sekolah menengah, tuan mengambil aliran apa?**

EA : Okay, sekolah menengah saya dalam aliran *ni* [ini] hanya ada tingkatan 4 [empat]. Kalau aliran tingkatan 4 [empat] saya *amik* [ambil] aliran sastera. Saya jiwang-jiwang sikit. Buat puisi-puisi. Saya memang suka menulis, buat puisi buat *ni* [ini]. Sains-sains *ni* [ini] saya *tak* [tidak] minat dulu. Tapi saya *tak tau* [tidak tahu] macam mana masa sambung belajar saya buat *engineering* [kejuruteraan]. *Tu* [itu] saya hairan dari sastera saya pergi sambung pengajian ke bidang *engineering* [kejuruteraan]. Tapi di sekolah saya memang aliran sastera. Sastera, geografi, sejarah semua *tu* [itu] belajar.

**NR : Mengapakah tuan berminat terhadap mata pelajaran tersebut?**

EA : Okay, saya minat sebab sastera *ni* [ini] dekat di hati. Sastera ni adalah kehidupan. Bila kata sastera ia ialah satu penceritaan, kehidupan. Bila kita baca cerita kisah ia adalah dekat dengan kita. Okay, kita *amik* [ambil] contoh Al Quran. Al Quran *ni* [ini] sebenarnya satu karya agung Allah Taala pada manusia melalui bentuk penceritaan. Itu orang panggil sastera. Tapi sastera itu ialah sastera tuhan. Untuk kita mengenali dia, kita tengok hidup macam mana. Jadi, sastera ni sesuatu benda yang boleh mengusik jiwa dan sesuatu benda yang halus. Sesuatu benda yang boleh memberi impak kepada perasaan kita. Jadi, tulisan ni sebenarnya bila kita baca dalam hati yang tenang, fikiran yang lapang, ia boleh memberi kesan kepada jiwa kita dan kepada kehidupan kita seharian boleh beri kita keinsafan, boleh beri

kita menjadi seorang yang lebih baik. Mendapat pengajaran daripada cerita tersebut. Itu sebabnya saya suka sastera.

**NR : Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah menengah?**

EA : Pengalaman yang tidak dapat dilupakan, *yup* [ye] boleh dikatakan paling gembira sewaktu kita di sekolah bila kita berjaya. Dihari saya mendapat *result* [keputusan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Pergi *ngan* [dengan] kawan-kawan kan. Harini keluar *result* [keputusan] ni, jom kita pergi ramai-ramai. Pergi *tu* [itu] bila kita tengok *result* [keputusan] *tu* [itu], Alahamdlillah Allah Taala permudahkan walaupun kita belajar *takde* [tiada] rajin tapi dapat pangkat 1 [satu] pada zaman *tu* [itu] kira orang yang cemerlang dalam sekolah pangkat 1 [satu] kalau kira saya bukan pelajar yang jenis pelajar yang sivik kan dekat sekolah, tapi dapat pangkat 1 [satu] 18 [lapan belas] *aggregeed* [agregat] dan saya ingat lagi cikgu saya salah seorang. Cikgu saya *ni* [ini] dari Sekolah Menengah Ketereh lagi dan dia cikgu Bahasa Inggeris dan dia cabar saya, “kau kalau dapat pangkat satu, kau cakap je kau nak makan apa aku belanja sebab aku tahu kau tak kan [tidak akan] dapat”, dia kata. Sekali saya betul dapat dan saya pergi jumpa dia kan, dia kata “aku tahu sebenarnya *tu* [itu] aku cabar *je* [sahaja] kau walaupun aku tahu”. Sampai sekarang jumpa baik lagi. Saya pun baik dengan dia, dia *mari* [datang] sini jumpa saya dan dia kata *tak* [tidak] sangka kan. Maknanya hari yang saya rasa itu kemuncak dalam sekolah dulu dapat lihat keputusan *tu* [itu] dengan cemerlang dan boleh bawa balik keputusan *tu* [itu] dan boleh tunjuk kepada mak ayah kita. Ini apa yang kita dapat sepanjang kita pergi sekolah, ini apa yang kita bina sepanjang kita pergi sekolah bukan hanya main-main maknanya kita boleh mengeluarkan 1 [satu] *result*

[keputusan] yang boleh membanggkan diri dan keluarga kita dan ia adalah pertolongan daripada Allah SWT.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: ASAL USUL BANGUNAN

Tujuan utama temu bual ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang asal usul dan sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Oleh itu, bolehkah tuan ceritakan latar belakang sejarah penubuhan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

#### SEJARAH

NR : Pada tahun bilakah bangunan ini dibina?

EA : Okay, kalau ikut rekod, kalau diikutkan rekod perpustakaan ini ditubuhkan pada tahun 1938 [sembilan belas tiga puluh lapan], kalau rekod perpustakaan ini bagunan ini yang awak duduk sekarang ni, dia dibuka pada umum pada tahun 1983 [sembilan belas lapan puluh tiga] dan pembinaan dia sekitar tahun 1980 [sembilan belas lapan puluh] an. Maknanya sekitar tahun 1980 [sembilan belas lapan puluh] an telah dibina perpustakaan kita yang ada sekarang *ni* [ini]. Sebab tapak asal perpustakaan *ni* [ini] bukan perpustakaan, perpustakaan kita dulu dikenali sebagai “Carnegie” perpustakaan “Carnegie” dia panggil terletaknya di jalan doktor, dekat dengan bagunan tabung haji. Jadi dalam tahun 1980 [sembilan belas lapan puluh] kita telah *start* [mula] pembinaan di tapak di jalan padang perdana *ni* [ini]. Bagunan sekarang *ni* [ini] jalan padang perdana dan dibuka pada tahun sekitar 1983 [sembilan belas lapan puluh tiga] iaitu pada 1 [satu] april 1983 [sembilan belas lapan puluh tiga] bangunan PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] yang tengah ada sekarang *ni* [ini] telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Armaghul Sultan Yahya Petra. Jadi pembinaan

dia bermula pada sekitar tahun 80 [lapan puluh] an. Bagunan *ni* [ini] yang ada sekarang *ni* [ini].

**NR : Mengapakah bangunan ini dibina pada tahun tersebut?**

EA : Okay sebelum *tu* [itu] kita *tak de* [tidak ada] bangunan, bagunan yang besar. Kita hanya ada yang seperti kita bagitahu tadi bagunan kita adalah perpustakaan “Carnegie”, perpustakaan awam “Carnegie” macam rumah kedai *je* [sahaja] satu [1] tingkat. Jadi perlu pada masa itu masyarakat untuk membaca perlu kepada sebuah perpustakaan, jadi kebetulan *pulak* [pula] kita *dah* [sudah] buat *paper* [kertas] pada masa *tu* [itu], ni lebih kurang sejarah, *ni* [ini] cerita orang pada masa dulu sebab saya *tak de* [tidak ada] lagi pada masa *tu* [itu], cuma dengar daripada cerita mulut, mulut daripada *staff* [pekerja]. Jadi pada tahun tersebut kita telah buat satu *paper* [kertas] dan diangkat pada kerajaan persekutuan. Dan telah dapat peruntukan untuk membuat bangunan pada tapak yang kita ada sekarang *ni* [ini]. Tapak ini ialah hasil daripada ditukar kita tukar tapak yang ada sekarang *ni* [ini] dengan tapak tabung haji *tu* [itu] kita jual *tu* [itu], dan kita beli *kat* [dekat] sini dan kita buat *kat* [dekat] sini. Kita buat *ni* [ini] kerana ada keperluan daripada masyarakat dan kita ada dapat kelulusan peruntukan daripada daripada jabatan persekutuan daripada kerajaan persekutuan.

**NR : Apakah nama asal bangunan ini?**

EA : Okay, bagunan ini pada asalnya memang *dah* [sudah] nama bagunan Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan sehingga kini kita tidak tukar. Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan.

**NR : Mengapakah bangunan ini dinamakan dengan nama tersebut?**

EA : Okay, kita namakan nama tersebut sempena nama perpustakaan sempena nama kita, pasal kita *ni* [ini] ditubuhkan dibawah enikmen-enikemen perbadanan negeri. Jadi tugas kita pustakaan jadi kita letak nama Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dengan *takde* [tiada] negeri. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan ataupun singkatannya PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan].

**NR : Adakah ramai yang memberi cadangan untuk nama bangunan ini?**

EA : Itu saya kurang pasti tapi pada pandangan saya secara logik, kita ada ahli *board* [lembaga] kita memang rasanya memang sebulat suara kita dengan nama kita sebagai perpustakaan dan kita sebagai perbadanan rasanya ini nama yang sesuai kalau guna nama lain pun setakat ni, *tak de* [tidak ada] lagi. Setakat ni *tak de* [tidak ada] lagi orang bagi cadangan yang ni.

**NR : Siapakah yang memberi nama bangunan ini?**

EA : Okay, kalau ikutkan pengarah kita pada masa tersebut namanya adalah --- saya lupa nama dia kena *check* [periksa] balik. Dia seorang *librarian* [pustakawan]. Cumanya pengerusi perpustakaan awam pada masa tersebut adalah Datuk Wan saya ingat. Datuk Wan *ni* [ini] dia daripada *board* [lembaga] kita. Ahli lembaga pengarah kita pada masa tersebut pati perkasa. Nanti saya *check* [periksa] balik dan bagi jawapan.

**NR : Pernahkan nama bangunan ini ditukar untuk dinamakan dengan yang lain?**

EA : Setakat ini *tak de* [tidak ada]. *Tak de* [tidak ada] ditukar. Dikekalkan daripada dulu sehingga kini.

**NR : Dari manakah idea untuk memberi nama bangunan ini?**

EA : Okay kalau ikutkan sejarah memang idea kita ambil daripada nama pertubuhan kita *ni* [ini] nama kita punya agensi. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan bermakna nama agensi kita.

**NR : Apakah tujuan bangunan ini dibina?**

EA : Tujuan bagunan ini dibina adalah untuk menjalankan fungsi sebuah perpustakaan. Maknanya ialah tempat dimana yang akan menjadikan, sebuah perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat di seluruh negeri Kelantan supaya rakyat di negeri Kelantan dapat menikmati perkhidmatan perpustakaan yang sempurna kepada masyarakat dan kita juga sebagai pusat untuk penyebaran ilmu pengetahuan pada masyarakat. Maknanya kita menguruskan bahan, bahan-bahan dan koleksi kita yang apa mempromosikan, kita yang akan menjadikan masyarakat kita *ni* [ini] masyarakat yang dapat menggunakan perkhidmatan perpustakaan kita ini dengan keadaan yang sempurna.

**NR : Apakah objektif bangunan ini?**

EA : Objektif bagunan ini pertamanya menyediakan prasran perpustakaan kepada masyarakat. Yang keduanya adalah untuk menyimpan koleksi-koleksi perpustakaan. Ketiga, meyediakan ruang-ruang bacaan yang kondusif dan selamat untuk digunakan oleh semua pengguna-pengguna pustakaan.

**NR : Apakah visi, misi dan moto bangunan PPAK?**

EA : Misi kita adalah untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya ilmu. Kita perpustakaan mestilah berkait dengan ilmu. Visi kita adalah suatu hari kita berusaha sedang berusaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya ilmu dan misi kita ialah menyediakan prasaran sumber maklumat dan ilmu untuk semua lapisan masyarakat dan kita ada moto, moto kita ‘Bangsa Membaca Bangsa Berjaya’.

**NR : Mengapakah Kota Bharu dipilih sebagai tempat untuk penubuhan bangunan PPAK ini?**

EA : Secara logiknya bila kita kata negeri Kelantan, ibu negeri dia adalah di Kota Bharu. Jadi disini tempat yang banyak kemudahan, tumpuan penduduk. Jadi sudah semestinya dan logiknya mestilah ibu pejabat bagi sebuah perpustakaan juga kena berada di Kota Bharu. Jadi logiknya kerana itulah kita meletakkan bagunan disini kerana *center of Kota Bharu* [pusat Kota Bharu] dekat dengan padang perdana, dekat dengan majlis daerah, dekat dengan balai polis, dekat dengan hospital dan ia ialah pusat bandar. Nak kata dia sibuk sangat *tak de* [tidak ada] jugak. Yang betul-betul sibuk sikit dekat stesen bas tu kan. Jadi disini *ni* [ini] bukanlah kata pinggir bandar tapi masih lagi masuk dalam pusat bandar tapi ianya adalah memberikan ruang yang cukup untuk rakyat berkunjung sini ada jalan utama jalan Sultan Ibrahim *tu* [itu] jalan utama dan kita boleh *trademark* [tanda dagangan] kalau orang tanya “*kat* [dekat] mana pustakaan?” Belakang balai polis. “Mana pustakaan?” Dekat padang perdana. “Mana pustakaan?” Dekat bazar tok guru. Jadi senang pada orang *access* [akses] pada tempat kita di sini.

**NR : Berapakah anggaran kos untuk bangunan ini ditubuhkan?**

EA : Okay kalau ikutkan pada kos yang asal dulu, dianggarkan habis dalam tiga [3] juta lebih. Cuma ada sedikit tambahan *budget* [perbelanjaan], saya *tak* [tidak] ingat, kena *check* [periksa] balik. Ada sedikit tambah tapi asalnya dalam 3 [tiga] juta yang asal. Dulu dalam tahun 1980 [sembilan belas lapan puluh] an *tu* [itu] tiga [3] juta *tu* [itu] besar *tu* [itu]. Tiga [3] juta dulu dengan zaman sekarang berapa puluh juta *dah* [sudah] darab dengan berapa inspirasi semua kan. Dalam sekitar tiga [3] juta pada masa tersebut.

**NR : Siapakah yang mereka bentuk logo PPAK ini?**

EA : Ini saya *tak* [tidak] tahu. Saya masuk sini semua *dah* [sudah] ada. Tapi mungkin dulu ada *designer* [pereka] dia, kita kena Tanya dengan *sape* [siapa] *staff-staff* [pekerja-pekerja] *kat* [dekat] sini. Tapi saya masuk *kat* [dekat] sini logo-logo semua-semua *dah* [sudah] ada. Mungkin ia adalah idea dari pengarah kita yang dulu. Saya namakan, kita biasanya panggil dia Encik Nik. Tapi saya pun *tak* [tidak] sempat jumpa, saya masuk *tu* [itu] dia *dah* [sudah] meninggal, dia *dah tak de* [sudah tidak ada]. Mungkin Encik Nik orang bertanggungjawab. Nik Arif nama dia. Nama dia Encik Nik Arif. *Kitaorang* [kami] panggil Encik Nik. Nik Arif ialah pengarah pertama perpustakaan negeri Kelantan. Dia yang buat kertas kerja. Dia antara orang yang jadi pengasas pada perpustakaan ini jadi logo ni pun daripada dia. Nik Arif ni juga arwah, arwah Nik Arif ni adalah pelajar IM [Information Management] *jugak* [juga]. Pelajar UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Jadi asal asasnya datang dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] *jugak* [juga] pustakaan *ni* [ini]. Sebab kursus perpustakaan dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] kan, dan dulu pustakaan kita *ni* [ini] adalah pustakaan yang tercantik di Malaysia. Di

Malaysia dulu. Sekarang *tak* [tidak] sebab perpustakaan *dah* [sudah] banyak kan.

Dulu ye, kita tercantik. Antara yang jadi sohor *jugak* [juga].

**NR : Apakah maksud logo tersebut?**

EA : Kalau ditengok pada logo tersebut, kita menunjukkan buku. Kalau kita tengok pada keliling kan buku menunjukkan bahawanya perpustakaan ini adalah pusat ataupun badan yang menguruskan ilmu pengetahuan. Jadi kita yang menguruskan koleksi dan maklumat yang sesuai dan sejajar dengan misi dan visi kita tadi. Jadi ini menunjukkan bahawasanya perpusatakaa merupakan tempat untuk menguruskan maklumat dan maklumat itu disimpan ke dalam buku. Jadi masyarakat dipersilakan datang ke perpustakaan.

**NR : Mengapakah logo ini dipilih sebagai simbolik kepada bangunan ini?**

EA : Logo itu dipilih simbolik kerana kalau kita tengok ada lambang buku. Bila buku *ni* [ini] itulah bila orang tengok buku ni mesti orang ingat perpustakaan. Jadi secara logiknya bila kita kata buku mesti perpustakaan. Buat pesta buku mesti perpustakaan. Nak baca buku pergi perpustakaan. Nak cari buku mesti perpustakaan. Jadi, logo kita itulah lambang kita *tu* [itu] dikelilingi oleh buku. Kalau tengok ni, ni logo kita *ni* [ini] PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] di tengah sekeliling pusingnya ada buku. Itulah rasionalnya.

**NR : Adakah PPAK menggunakan logo yang lain sebelum ini?**

EA : Setakat ini saya *tak de* [tidak ada] jumpa lagi. Setakat ini, setakat saya bekerja *kat* [dekat] sini, inilah logo kita. *Tak de* [tidak ada].

**NR : Apakah peristiwa yang tidak dapat dilupakan yang pernah berlaku dibangunan ini?**

EA : Okay, bangunan ini pernah sekali terbakar. Pada tiga [3] tahun, empat [4] tahun lepas. Saya bekerja disini, terbakar sebab dekat atas *tu* [itu] kita ada menara, menara yang disewa oleh Telecom dia punya ada alat dalam bilik dia *tu* [itu] terbakar. Jadi menyebabkan bagunan ini pun terbakar atas *tu* [itu]. Dan masa *tu* [itu] *staff* [pekerja] pun *tak tau* [tidak tahu] terbakar. Yang tahu terbakar adalah orang duduk dekat Bazar Tok Guru, orang dekat Dewan Jubli Perak, dia mari sini dia bagitahu terbakar. Jadi kita panggil bomba. Masuk surat khabar juga saya rasa (ketawa kecil). Perpustakaan terbakar. Tapi sikit *je* [sahaja] atas *tu* [itu]. Itu la setakat ni la peristiwa yang melibatkan bagunan ni yang boleh dikatakan ramai *staff* [pekerja] yang terkejut terbakar *kat* [dekat] atas *tu* [itu] kan. Nasib baik *tak* [tidak] habis kalau tidak orang kata apa, kalau masuk dalam bagunan habislah buku-buku kita. Mana nak cari duit nak buat bagunan baru.

**NR : Bilakah peristiwa tersebut berlaku?**

EA : Peristiwa tersebut berlaku kalau dalam empat [4] tahun lepas. 2019, 2018, 2017, 2016, 2015 dalam 2014. Sekitar tahun 2014 [dua ribu empat belas]. Ingat sebab saya *tak record* [tidak rekod] lagi.

**NR : Bolehkan tuan kongsikan apakah peristiwa itu dan bagaimana peristiwa itu berlaku?**

EA : Pada peristiwa tersebut berlaku, saya dalam perjalanan ke Jeli kerana ada program di perpustakaan jeli, masa tersebut kita buat satu program di perpustakaan jeli. Jadi, saya *tak de* [tidak ada], pengarah pun *tak de* [tidak ada]. Pengarah juga

sedang ---, pengarah *tak de* [tidak ada] pergi mesyuarat saya rasa. Saya pergi mesyuarat ke Jeli, pengarah pergi mesyuarat ke Bachok UMK [Universiti Malaysia Kelantan]. Jadi, ada orang telefon. Kawan saya dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] telefon, pasal UiTM [Universiti Teknologi Mara] *kat* [dekat] depan tu kan. Dia telefon saya. Encik Zainuri nama kawan saya *tu* [itu], dia pensyarah UiTM [Universiti Teknologi mara]. “Zi, pustakaan terbakar la Zi, mu duk mana? “Eh kata *tak tau* [tidak tahu], aku duk kat jeli ni”. Dia yang telefon saya, dia yang bagitahu terbakar keluar asap. “*Pastu* [selepas itu] macam mana?” Dia mari tengok dia kata. *Lepastu* [selepas itu] baru saya telefon ke *staff*[pekerja] saya. Telefon *tu* [itu] *staff* [pekerja] saya *tak* [tidak] angkat mula-mula. Sebab *kalut* [sibuk]. *Lepastu* [selepas itu] saya balik baru saya tanya, *diaorang* [mereka] cerita bahawasanya terbakar *tu* [itu] berpunca daripada bilik *tower* [menara] yang disewa oleh telecom *tu* [itu]. Oleh TM [Telecom Malaysia] yang menyewa. Jadi, boma pun datang. Bomba datang padamkan api. Ramai orang sekitar Bazar Tok Guru *tu* [itu] semua *mari* [dating] turun pakat tengok kan. Tapi memang asalnya orang dalam ni *tak tahu* [tidak tahu], *tak tahu* [tidak tahu] pun bahawasanya bagunan terbakar. Orang daripada Bazar Tok Guru yang datang bagitahu kita bagunan terbakar. Baru kita bagi pengunguman kepada orang awam suruh keluar. Macam itulah peristiwa itu berlaku, kadang-kadang malang ni kita tak tahu kan. Malang tak berbau. Setakat ini, itulah peristiwa yang saya rasa agak terkejut juga. Tapi Alhamdulillah *tak ade* [tidak ada] kehilangan harta, *tak de* [tidak ada] kehilangan benda yang serius la.

**NR : Adakah ramai terkorban pada peristiwa tersebut?**

EA : Tak de [tidak ada] yang terkorban jiwa, ada yang terkorban alat dekat atas *tu* [itu]. Alat yang telecom punya. Tapi itu bukan alat kita. Tapi kita bagi peringatan pada ni kan supaya berhati hati dan diaorang *mari check* [datang periksa] alat dia *kat* [dekat] atas, supaya benda *tu* [itu] tidak berulang lagi.

**NR : Pada tahun bilakah bagunan ini dibina semula selepas peristiwa tersebut?**

EA : *Tak de* [tidak ada] bina. *Tak* [tidak] hancur. Cuma kita *beki* [baiki] atas tu. Kita *beki* [baiki] balik, dia buat bilik dia *tu* [itu], dia buat semula bilik dia *tu* [itu]. Sampai sekarang *ni* [ini], *tak de* [tidak ada] masalah. *Tak* [tidak] terjadi lagi.

**NR : Semasa awal pembukaan PPAK, adakah ramai orang yang datang ke bangunan ini?**

EA : Sewaktu buka PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan], perasmianya telah dirasmikan oleh bawah, dirasmikan oleh, bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra. Saya *tak* [tidak] dapat pastikan berapa ramai yang datang tapi biasanya kalau sultan yang turun perasmian, biasanya ramai. Mungkin jangka, kalau *tak* [tidak] ribu pun mungkin ratus-ratus. Tapi ramai datang. Bila sultan turun mesti ramai. Saya nak bagitahu pun, *tak tau* [tidak tahu] juga maklumat dia *tu* [itu] kan. *Tak de* [tidak ada] *info* [maklumat] berapa orang yang datang, *tak* [tidak] tahu. Cuma tengok gambar I [sahaja]. Tapi tengok gambar *tu* [itu] ramai yang datang.

**NR : Apakah bahan yang terdapat di PPAK?**

EA : Okay, bahan yang terdapat di PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan], kita sebagai perpustakaan, semua bahan kita ada. Bahan bercetak, bahan tidak

bercetak. Bahan bercetak awak tahu la kan? Buku, majalah, semua bahan yang berkaitan dengan bercetak semua ada. Buku-buku. Dan kita jugak ada AV [audiovisual], CD [compact disc], VCD [video compact disc]. Dan juga ada bahan e-pustaka, bahan elektronik. Perpustakaan elektronik, tapi dia *database* [pangkalan data] bukan duduk *kat* [dekat] sini. Dan kita juga ada surat khabar surat khabar lama yang kita simpan. Dan juga salinan-salinan manuskrip. Tapi kita *amik* [ambil] semua manuskrip *tu* [itu] dengan PNM [Perpustakaan Negara Malaysia] juga. Di Perpustakaan Negara Malaysia. Boleh dikatakan semua bahan-bahan kita ada. Bahan-bahan koleksi berkaitan dengan bahan perpustakaan sama ada bercetak, *tak* [tidak] bercetak, bahan elektronik, kita ada di perpustakaan negeri Kelantan.

## **REKABENTUK**

Seterusnya dari aspek reka bentuk bangunan, boleh tuan ceritakan serba sedikit berkenaan dengan reka bentuk pembinaan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

**NR : Bangunan ini mempunyai berapa tingkat?**

EA : Okay, kalau kita tengok bangunan ini mempunyai 2 [dua] tingkat sahaja. Okay, tingkat aras bawah, aras 1 [satu] dan yang kita duduk sekarang ni adalah aras 2 [dua]. Atas tu [itu] bumbung (ketawa).

**NR : Mengapakah warna ini dipilih untuk bangunan PPAK?**

EA : Okay, warna sekarang *ni* [ini] kita buat, kalau tengok daripada luar kita ada 3 [tiga] warna, hijau, warna merah. Itu yang kita buat adalah untuk menarik perhatian. Okay, tujuannya adalah bila orang tengok, “eh, nampak pelik la, bangunan apa ni?” Kita nak *attract people* [menarik orang], biar orang tengok pelik, “ooo

perpustakaan, ada rupanya perpustakaan di Kelantan ni?” Sebab ramai yang tak tahu perpustakaan ada sini kan. Walaupun kita war-warkan, letak singboard di tepi jalan *ni* [ini], tulis Perpustakaan dan ada lagi orang yang *tak* [tidak] alert [perasan] sebab perpustakaan ni kadang-kadang orang *tak* [tidak] suka pergi. Kita nak masyarakat membaca tapi *tu* [itu] salah satu sebab kita buat warna-warni sikit *ni* [ini] supaya dapat menarik perhatian mata orang bila tengok pelik “eh nak tahu nak kenal, pergi dekat pergi dekat dan masuk dan masuk, ooo cantik, ooo selesa”. Macam *tu* [itu].

**NR : Berapakah unit yang ada di dalam bangunan ini?**

EA : Okay, kalau *department* [jabatan] kita ada, 1 [satu] kita ada bahagian perolehan iaitu *acquisition* [pemerolehan]. Yang kedua kita ada bahagian pendokumentasian dan teknikal iaitu bahagian katalog. Seterusnya kita ada bahagian perkhidmatan perpustakaan, perkhidmatan maklumat. Yang ni *circulation* [peredaran] semua yang berkaitan dengan pinjam buku, keahlian. Seterusnya kita ada bahagian rangkaian yang menguruskan cawangan-cawangan, kita ada bas bergerak di bawah rangkain juga dan seterusnya kita ada bahagian-bahagian pentadbiran yang kita pecah kepada 2 [dua], pentadbiran sumber manusia dan juga kewangan. Okay, dan seterusnya kita ada juga unit IT [Information Technology], unit IT [Information Technology] unit yang menguruskan sistem di dalam perpustakaaan kita *ni* [ini]. Okay, seterusnya kita ada unit koleksi Kelantan. Unit koleksi Kelantan *ni* [ini] adalah bahagian yang menguruskan hal semua bahan-bahan berkaitan dengan koleksi-koleksi yang berkaitan dengan negeri Kelantan. Kita juga ada perpustakaan Sayditina Habsah yang perpustakaan *ni* [ini] *kat* [dekat] bawah sekali. Bawah sekali *tu* [itu] kita ada bahagian perpustakaan PSH

[Perpustakaan Sayditina Habsah]. Perpustakaan tersebut adalah perpustakaan wanita khusus untuk wanita yang kita buat bekerjasama dengan UKEKWA, [urusetia bangunan pembangunan wanita negeri Kelantan]. Tu [itu] baru 2 [dua] tahun lepas kita letak dan kita juga ada bahagian apa lagi (berfikir). Kita ada pejabat pengarah, pejabat pengarah di tingkat 1 [satu] yang mana pejabat tersebut di reka oleh pengarah. Itu sahaja antara bahagian-bahagian yang utama di Perpustakaan Awam Kelantan.

**NR : Mengapakah PPAK menukuhan unit sebanyak itu?**

EA : Okay, kita tubuhkan unit sebanyak itu kerana tiap-tiap unit tu [itu] mempunyai peranan masing-masing seperti mata untuk melihat, telinga untuk mendengar dan mulut untuk bercakap. Semua ada peranan masing-masing. Jadi macam perolehan, untuk membuat pembelian koleksi untuk menguruskan nak beli koleksi, nak pilih koleksi, nak lulus koleksi semua perolehan dan bahagian katalog. Pendokumentasian dan teknikal adalah untuk membuat cataloging. Dah beli buku kita cek masuk dalam data, kita rekod semua. Bahagian perkhidmatan untuk menguruskan perkhidmatan kita, program galakan membaca di bawahnya, pinjaman buku, penghantaran buku, keahliannya macam mana semua itu di bawah perkhidmatan dan begitu juga dengan pentadbiran, pentadbiran nak urus sumber manusia, cutinya, perkhidmatannya, *staff* [pekerja] nak pencennya. Kewangan nak bayar gaji. Semua tu [itu] perlu kepada masing-masing ada fungsi dan mula digabung-gabung jadi satu organisasi. Sebab itu kita ada banyak jabatan-jabatan.

**NR : Adakah setiap unit di dalam bangunan ini diletakkan di bangunan yang berbeza?**

EA : Tak [tidak]. Kita dalam 1 [satu]. *We all in one roof* [kita semua bawah satu bumbung]. Kita semua dalam bawah satu bumbung sahaja. *Centralised* [berpusat]. Cuma tingkat-tingkat *je* [sahaja] yang berbeza. Macam bahagian perolehan *duk* [duduk] tingkat bawah senang *dah* [sudah] orang nak hantar buku, letak masuk terus ke dalam store. Tingkat bahagian pendokumentasian teknikal dekat sebelah, *level* [aras] yang sama dan bilik yang sama, ruang yang sama dengan bahagian perolehan. Bahagian perkhidmatan di bawah juga. Bahagian pentadbiran atas sikit. Pihak pengarah *duk* [duduk] tengah-tengah supaya dia boleh adil di atas dia buleh tengok, bawah dia boleh tengok (ketawa). Pentadbiran pejabatnya duduk di atas. Jadi, maknanya dalam 1 [satu] bangunan cuma *level* [aras] kedudukan tingkat-tingkatnya yang lain.

**NR : Apakah keunikan rekabentuk bangunan ini?**

EA : Kalau awak tengok dari segi bumbung dia unik. “Bumbung apa orang panggil, macam minang sikit kan?” Minang sikit, pastu ada macam segi 4 [empat] dia *tu* [itu] dia terkeluar sikit. Saya nak sebut macam mana, saya *tak* [tidak] *reti* [pandai] nak sebut yang *design* [reka bentuk] ni. Tapi unik, nampak unik kalau di Kota Bharu ni nampak dia *tu* [itu] macam unik. Lain daripada yang lain. Nanti *you* [awak] tengok gambar dia. *You* [awak] *subscribe* [melanggan] tengok gambar dia. Maknanya kita ni campur konsep Melayu nampak ada kemalayuan. Kalau minang *tu* [itu] memang Melayu. Tengok dari segi bentuk bumbung *tu* [itu]. Keunikan, menunjukkan ciri-ciri kemelayuannya.

**NR : Dimanakah PPAK mendapat inspirasi untuk membina rekabentuk bangunan ini?**

EA : Itu mungkin daripada pengarah kita yang dulu dan ahli-ahli lembaga yang saya cakap, pengarahan arwah Nik Harif dan pengarah-pengarah, sebab saya tiada di sini lagi pada masa *tu* [itu], tahu ilham *diorang* [mereka] ambil daripada mana tapi ada *consultant* [perunding] yang *design* [reka bentuk] kita punya bangunan ni. Memang ada *design* [reka bentuk], yang pasti bukan daripada JKR [Jabatan Kerja Raya]. Kita sendiri yang *hire* [mengupah] dari China untuk *design* [reka bentuk] bangunan ini.

**NR : Pernahkan berlakunya perbalahan ketika memilih cadangan rekabentuk bangunan ini?**

EA : Allahhualam bisawab *tak* [tidak] tahu. Mungkin ada dan mungkin *tak* [tidak]. Itu tak ada ceritakan, kalau gaduh-gaduh ni tak ada cerita. Mungkin ada perbincangan tapi *tak* [tidak] tahu gaduh-gaduh.

**NR : Pernahkah PPAK mendapat sebarang anugerah atau pengiktirafan disebabkan rekabentuk bangunan tersebut?**

EA : Okay, setakat ini *tak* [tidak] ada dapat apa-apa cuma yang saya dapat berita dulu pada tahun 1983 [Sembilan belas lapan puluh tiga] *tu* [itu] maknanya pada masa baru buka *tu* [itu] kita banyak menerima lawatan daripada negeri-negeri lain datang nak tengok model perpustakaan yang terbaik pada masa tersebut. Jadi ramai orang *mari* [datang] melawat kan sebab perpustakaan yang lain masa *tu* [itu] *tak* [tidak] canggih. *Tak* [tidak] ada cantik macam kita, design kita pun cantik jadi ramai orang datang melawat ke PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam]

Kelantan] pada masa tersebut. Anugerah *tu* [itu] *tak* [tidak] tahu tapi orang *mari* [datang] melawat ramai.

**NR : Pernahkan rekabentuk bagunan ini tersalah dibina sehingga perlu dirobohkan semula?**

EA : Rasanya *tak* [tidak] ada. Semua berjalan dengan lancar. Alhamdulillah.

**NR : Adakah rekabentuk bangunan PPAK melambangkan negeri Kelantan atau unsur-unsur tradisional?**

EA : Dia lebih kepada unsur tradisional saya nampak di sini macam bumbung minang dia *tu* [itu]. Saya *tak* [tidak] tahu kalau minang *ni* [ini] bukan Kelantan tapi nampak ada ciri kemelayuan. Ciri kemelayuan, ciri tradisional.

**NR : Pernahkah PPAK ditimpa bencana sehingga bagunan rosak?**

EA : Yang saya cakap tadi kebakaran. *Lepas tu* [selepas itu], pada tahun 2014 [dua ribu empat belas], banjir. Banjir air naik sikit *je* [sahaja] dalam kolam. Ada, bawah *tu* [itu] tempat ruangan kanak-kanak ada kolam, jadi air *tu* [itu] bukan daripada luar masuk. Daripada dalam tanah yang meresap, dia keluar jadi penuh air dalam kolam pada masa *tu* [itu]. Jadi, bau hapak habis karpet. Jadi itu yang rosak, 2014 2014 [dua ribu empat belas].

**NR : Jika berlakunya kerosakan, apakah tindakan yang dilakukan oleh PPAK untuk mengekalkan rekabentuk asal?**

EA : Okay, mula-mula kita akan tengok apa jenis kerosakan, kita akan buat siasatan, berapa serius kerosakan tersebut dan kalau kita nampak macam kecil-kecil rosak

sikit, kita boleh baiki sendiri. Kita akan gotong-royong bersama *staff* [pekerja], baiki sendiri. Tapi kalau nampak benda *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh nak buat kita akan panggil kontraktor. Kontraktor dia akan bagi *quotation* [sebut harga] dan kita akan buat pemilihan. Kalau setuju kita bagi dia untuk buat penyelenggaraan.

## **PENTADBIRAN**

Selain itu, dari aspek pengurusan sesebuah bangunan semestinya amatlah penting untuk diambil berat. Oleh itu, bolehkah tuan ceritakan sedikit ilmu dan pengetahuan tentang pengurusan bangunan PPAK ini?

**NR : Berapakah pekerja yang bekerja di dalam bangunan ini semasa mula-mula bangunan ini dibuka?**

EA : Okay, saya *tak de* [tidak ada] rekod yang lengkap, tapi yang saya dengar cerita, *staff*[pekerja] dulu *tak* [tidak] sampai 20 [dua puluh] orang bekerja dalam bagunan *ni* [ini]. Sebab masa *tu* [itu] bajet pun *tak de* [tidak ada] sangat. Kalau nak kira dengan kini, dekat 40 [empat puluh] *staff*[pekerja] ada *kat* [dekat] sini. Kalau dulu memang satu *department* [jabatan] *tu* [itu] sorang, 2 [dua] orang. Maknanya *tak* [tidak] ramai. *Under* [bawah] pada 20 [dua puluh]. Tapi kini lebih, dekat 40 [empat puluh] lebih *staff*[pekerja].

**NR : Berapakah pekerja yang bekerja sekarang di dalam bangunan ini?**

EA : Okay, yang bekerja sini dalam saya *tak* [tidak] *sure* [pasti] tapi 40 [empat puluh] lebih. Dalam 40 [empat puluh] ke 42 [empat puluh dua] orang. Yang bekerja *kat* [dekat] sini dekat semua bahagian *tu* [itu].

**NR : Adakah bilangan pekerja di PPAK mencukupi?**

EA : Sehingga ke harini, pekerja *tu* [itu] (berfikir) sederhana mencukupi. Nak kata cukup *tu* [itu], *tak* [tidak] juga. Tapi bila kita ada *event* [acara], yang besar-besar, memang kita kekurangan. Banyak juga kita dibantu oleh pelajar praktikal. Kita ada pelajar praktikal buat praktikal sini. Jadi minta *diaorang* [mereka] untuk membantu. Tapi *staff* [pekerja] kita yang *duk* [duduk] depan, *lead* [memimpin]. Maknanya memang ada lagi jawatan-jawatan kosong yang kita *tak* [tidak] isi. Yang kita *tak* [tidak] isi *tu* [itu] bukan sebab kita suka-suka tak nak isi, kalau kita nak isi *tu* [itu] kita kena cari dana lebih sikit la bayar gaji *diaorang* [mereka]. Maknanya ada lagi kekurangan. Tapi masih lagi menampung kepada perkhidmatan kita. Maknanya sederhana cukup, bukan kata tak [tidak] cukup langsung.

**NR : Apakah jawatan yang ada di dalam PPAK ini?**

EA : Okay, dalam jawatan PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] *ni* [ini] pertama jawatan paling tinggi *ni* [ini] pengarah. Okay pengarah, lepastu [selepas itu] saya sebagai timbalan. *Lepastu* [selepas itu] ada penolong-penolong saya. Penolong-penolong saya *ni* [ini] kita panggil ketua-ketua unit. Ketua unit, ketua bahagian ada. Ketua bahagian perolehan ataupun pembangunan koleksi. Yang kedua ketua bahagian catalog. *And then* [dan kemudian], ketua bahagian perkhidmatan. Ketua bahagian rangkaian. *Pastu* [selepas itu] kita ada ketua bahagian pentadbiran. Kita ada ketua bahagian IT [Information Technology]. Kita juga ada penyelia. Unit pembangunan pun ada seorang penyelia. Itulah antara yang selebihnya kita ada pekerja *staff-staff* [pekerja] yang macam CC [chief clerk], kerani kanan kan.

**NR : Jawatan apakah yang paling tinggi di dalam bangunan ini?**

EA : Yang paling tinggi adalah pengarah. Pengarah \_\_\_\_\_.

**NR : Siapakah beliau? (jawatan yang paling tinggi)**

EA : Beliau adalah Encik Roslan Bin Ludin. Namanya, Roslan Bin Ludin.

**NR : Beliau berasal dari mana (jawatan yang paling tinggi)**

EA : Beliau berasal daripada Kampong Labok Machang, Kelantan.

**NR : Boleh saya tahu, apakah tanggungjawab beliau sebagai jawatan pengarah itu?**

EA : Pertama sekali, beliau perlu mengarahkan kepada anak-anak buah untuk membuat kerja (ketawa kecil). Okay, yang kedua beliau perlu memikirkan hala tuju perpustakaan ini. Kemana dia nak bawa perpustakaan ini. Jadi dia, orang yang akan memikirkan projek apa yang dia nak buat. Tahun *ni* [ini] apa dia nak plan [rancang]. Apa yang perlu dia lakukan supaya fungsi misi dan visi perpustakaan ini dapat dicapai. Jadi dia, orang yang memempolai dan memandu kemana nak pergi perpustakaan ini. Kalau dia terjun parit, terjun parit. Kalau dia naik gunung, naik gunung. Tapi setakat *ni* [ini] Alhamdulillah dia buat nampak banyak pembaharuan yang kita boleh buat di PPAK *ni* [ini].

## **KEJAYAAN**

Sebagai salah seorang yang penting dalam pengurusan dan organisasi di bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan ini, boleh tuan ceritakan kejayaan yang pernah di perolehi oleh bangunan PPAK?

**NR : Apakah kejayaan yang paling besar sejak awal penubuhan bangunan ini sehingga sekarang?**

EA : Okay, dari segi kejayaan, kita yang paling tinggi *latest* [terbaru]. Saya *amik* [ambil] paling *latest* [terbaru] bukan bagunan saja. Dari segi pekerjaan kita, baru *ni* [ini] kita dapar *five-star rating* [lima bintang penarafan] untuk audit negara. Tahun dua kosong satu lapan 2-0-1-8 audit yang telah di sempurnakan. Maknanya kita antara jawatan cemerlang yang dapat audit lima bintang. Dan bukan senang benda *tu* [itu] nak dapat. Antara kerajaan negeri, Kelantan *ni* [ini] sikit *je* [sahaja] dapat. Jadi kita dapat anugerah. Di peringkat negeri Kelantan. Kita dapat audit bersih. Dan kita juga berjaya memenangi pertandingan KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif] tadi. Menang peringkat negeri Kelantan, dapat nombor satu. Dan kita juga telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti yang besar. Contohnya, seperti contoh kalau tahun *ni* [ini], kita telah berjaya melakukan kerjasama *partnership* [perkongsian] dengan dua puluh lima [25] agensi kerajaan negeri dan persekutuan untuk program kembara ilmu ‘Aku Di Hatimu’ di PUSTOHOI. Program *ni* [ini] masuk tv [televisyen], masuk surat khabar. Maknanya ramai agensi-agensi kerajaan pergi *ngan* [dengan] kita dan berjaya memberikan perkhidmatan kepada orang-orang asli. Dan kita juga telah berjaya tahun *ni* [ini], sepanjang 6 [enam] tahun kita *dah* [sudah] menjayakan program ‘Lets Read Together’. Mari membaca serentak di mana program ini kita buat sepanjang, buat secara serentak *start* [bemula] tahun 2014 [dua ribu empat belas]

lagi iaitu seleuruh negara membaca serentak. Kita sebagai perpustakaan negeri, mengambil peluang untuk sama-sama menjayakan. Dan kita juga telah adakan kolaborasi dengan UMK [Universiti Malaysia Kelantan], UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Jadi, banyak kita buat kolaborasi dengan syarikat- syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan untuk bersama membantu kita menyemarakkan agar rakyat *ni* [ini] menjadi sebuah masyarakat yang berilmu pengetahuan. Selain itu, kita juga pernah buat kerjasama dengan American Embassy. Kita pernah ada, kita pernah buka, kita panggil lincoln corner. Cumanya sekarang ni kita *dah* [sudah] tutup pusat *tu* [itu], Lincoln corner pun *dah* [sudah] pindah ke UMK [Universiti Malaysia Kelantan] dan kita tutup *tu* [itu] sebab nak bagi laluan kepada perpustakaan Sayyidatina Hafsa. Sebab kita beri keutamaan kepada perpustakaan wanita. *Takde* [tiada] lagi pustakaan di Malaysia *ni* [ini], ada pustakaan wanita. Jadi kita *ni* [ini] yang pertama. Nanti *you* [awak] boleh pergi tengok. Buku-buku dalam *tu* [itu] berkisah tentang banyak kepada kejayaan wanita-wanita di negeri Kelantan dan Malaysia juga kita letak sebagai sumber inspirasi. Sebab Kelantan *ni* [ini] negeri Cik Siti Wan Kembang. Jadi, kita nak tunjukkan bahawasanya wanita Kelantan *ni* [ini] memang hebat-hebat. Bila sebut *kelate* [Kelantan], *hebak-hebak* [hebat-hebat]. Sebab keturunan Cik Siti Wan Kembang. Jadi itulah, mungkin ada lagi anugerah-anugerah yang kita pernah dapat mungkin *takde* [tiada] dalam fikiran saya buat masa sekarang *ni* [ini]. Tapi boleh kata tiap tahun ada yang kita dapat anugerah daripada SUK [Setiausaha Kerajaan]. Dari segi pengurusannya, aktiviti dan program yang kita buat.

**NR : Pada pendapat tuan/puan, apakah punca menyebabkan PPAK dikenali ramai?**

EA : Pertama kerana *staff*[pekerja] nya bersatu hati. Tu [itu] paling penting. Buat apa-apa benda kena *staff*[pekerja] dulu bersatu hati. Bos kata macam *ni* [ini] kita ikut. Maknanya kita nak mesti dalam sesuatu agensi *ni* [ini] kita kena saling bantu membantu. *Takleh* [tidak boleh] kata *ni* [ini] *kije* [kerja] kau, *ni* [ini] kerja aku. Kita kena bergerak seiringan, bersatu hati, bekerjasama. Sebab apabila bekerjasama, bersatu hati, keberkatan *tu* [itu] akan datang dalam sesuatu agensi dan seterusnya kerana kerja kuat. Masing-masing mengetahui fungsi dan bersedia bekerja kuat untuk mengangkat PPAK [Perbadanan Perpustakaan awam Kelantan] *ni* [ini] sebagai sebuah agensi yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Maknanya kita sentiasa berfikir, apa nak buat lagi supaya masyarakat *ni* [ini] kenal Perbadanan Perpustakaan Awan negeri Kelantan. Itu antara resepi yang penting. Kerjasama antara semua *staff*[pekerja], kerja kuat dan yang ketiga, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak luar. Maknanya dengan agensi pendidikan, dengan JPN [Jabatan Pendidikan Negeri]. Dengan JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] kita memang macam status *partnership* [perkongsian]. Bila ada program, kita jemput sekolah datang. Dia jemput kita pun kita pergi. Sebagai contoh, saya sendiri merupakan salah seorang pengadil untuk nilam. Nilam *ni* [ini] Nadi Ilmu Amalan Membaca peringkat negeri Kelantan. Jadi, peluanglah yang kita buat kerjasama dengan JPN [Jabatan Pendidikan Negeri]. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah melantik saya sebagai juri pertandingan membaca nilam. Saya mewakili PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] juga, saya adalah salah seorang juri anugerah pusat sumber cemerlang sekolah peringkat negeri Kelantan. Jadi ada hubungan yang baik dengan pihak

sekolah. Baik JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] dan juga sekolah negeri Kelantan. Sekolah YIK [Yayasan Islam Kelantan]. Kita ada juga *smart partnership* [perkongsian pintar] bersama dengan Jabatan Perpaduan Negara. Sebagai contoh baru *ni* [ini] kita telah melancarkan program membaca serentak di pejabat perpaduan masyarakat di Tumpat. Kita ada satu *smart partnership* [perkongsian pintar] orang kata *and national blue ocean strategy* [dan strategi lautan biru negara]. Dan itulah antara factor-faktor yang menjadikan kita *ni* [ini] semakin kukuh, semakin dikenali orang ramai. Maknanya kita bersatu hati bersama-bersama kita dalaman, kita bekerja kuat *pastu* [selepas itu] kita berkawan dengan sahabat-sahabat yang boleh membantu kita untuk bersama-sama memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

**NR : Pernahkah PPAK menerima anugerah? Jika ya, apakah anugerah tersebut?**

EA : Anugerah saya kata tadi yang kalau yang sepanjang saya tahu yang tertinggi setakat ni adalah audit *tu* [itu]. *staff rating* [penarafan pekerja], maknanya kita dapat *rating* [penarafan] lima bintang dan bukan semua agensi dapat. Bukan benda yang senang untuk kita dapat audit *tu* [itu]. Yang lainnya biasa-biasa tapi boleh dikatakan senang juga nak dapat, tapi audit *ni* [ini] memang susah nak dapat lima bintang, nak mengekalkan audit bersih lima bintang.

**NR : Adakah sebahagian daripada kejayaan ini berpunca daripada kerjasama antara luar negara?**

EA : Kalau *star rating tu* [penarafan bintang itu] kerjasama antara dalam negara *je* [sahaja], bukan daripada luar negara. Tapi program besar memang kita ada buat

dengan yang saya cakap tadi dengan American Embassy. Kita juga pernah dengan France Embassy. Banyaklah kejayaan-kejayaan yang kita pernah kumpul bersama dengan embassy-embassy ni [ini]. Cuma yang *star rating takdelah* [penarafan bintang tiada] dengan embassy. *Takdelah* [tiada] dengan France.

**NR : Apakah perasaan semua pekerja PPAK setelah mendapat kejayaan?**

EA : Selepas mendapat kejayaan, semua warga PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] rasa bangga. Bila orang tanya, “kerja kat mana?”. Macam sekarang ni orang makin kenal bila sebut. Kalau dulu “kerja kat mana”? PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan]. Kalau sekarang ni, “kerja mana”? Pustakaan. Banyak program, banyak aktivit ada. *Staff* [pekerja] pun dah rasa *proud* [bangga] dah. Dulu orang kata pustaka *ni xde* [ini tiada] kerja cop buku, hantar buku. Tapi sekarang *ni* [ini], banyak kerja. Jadi, *staff tu* [pekerja itu] rasa *proud* [bangga] bila sebut pustakaan. *Diaorang* [mereka] rasa bangga bekerja disini.

**NR : Adakah kejayaan yang dicapai berpunca daripada kerjasama antara pekerja?**

EA : Itu sudah semestinya. Seperti yang saya bagitahu tadi. Resepi sebuah kejayaan, sebuah syarikat, sebuah organisasi itu adalah bekerjasama. Kerjasama daripada warga-warga kerjanya. Bila diaorang *ni* [ini] kerja bersatu hati, sudah semestinya keberkatan akan turun dalam sesebuah organisasi *tu* [itu] dan inshaaAllah itu dapat bertahan dan dapat berjaya.

**NR : Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh PPAK sehingga PPAK mendapat kejayaan?**

EA : Pertama sekali kita disini memberi ruang. Memberi ruang dan peluang kepada *staff* [pekerja] kita untuk membuktikan bakat mereka. Kita *tak* [tidak] kira dia peringkat bawah ke *sape* [siapa], dia boleh bagi idea, pendapat, pandangan. Dan kita juga ada satu majlis yang dipanggil majlis bersama mesyuarat MBJ [Majlis Bersama Jabatan]. Disitu kita ada mesyuarat dari wakil pekerja dan wakil jabatan. Jadi *staff ni* [pekerja ini] boleh meluahkan apa masalah-masalah berkaitan dengan pekerjaan mereka, kepada pihak pengurusan tertinggi untuk kita selesaikan. Jadi disitu ada saluran dia. Maknanya *staff ni* [pekerja ini] rasa diri mereka dihargai. Apabila dia buat satu-satu kejayaan, biasa kita akan buat jamuan, bagi penghargaan dan whatsaap group tu kalau dia buat yang baik, kita akan *salute* [salut], “bagus pengarah ni, bagus la gini [begini]”. Jadi, dia rasa dihargai, walaupun dia kakitangan bawahan, dia buat sesuatu benda, dia rasa diangkat diberi peluanglah yang sama oleh pegawai atas untuk memberikan sumbangan idea, demi untuk bersama-bersama membangunkan perkhidmatan perpustakaan ini.

**NR : Siapakah yang mengiktiraf kejayaan ini?**

EA : Biasanya iktiraf kita adalah pengurusan tertinggi. Pengarah, ahli *board member* [ahli lembaga] kita. Kita akan umumkan dalam mesyuarat *board* [lembaga]. Dan ada juga yang kita buat seperti, kalau contoh macam KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif]. Kita akan bagi money [duit] dalam bentuk token untuk kejayaan mereka dalam menyertai KIK [Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif]. Dan kalau ramai-ramai tu [itu], kita akan buat jamuan. Contohnya macam

tohoi *ni* [ini] berjaya, *dah* [sudah] berjaya, kita akan buat jamuan sebagai tanda penghargaan kepada semua staff [pekerja] yang telah bekerja keras untuk menjayakan sesuatu program.

**NR : Adakah setiap program dan aktiviti yang dilakukan oleh PPAK berjaya dengan lancar?**

EA : Setakat *ni* [ini] Alhamdulillah, berjaya dilakukan dengan lancar dan cemerlang. Kalau makna orang lain kalau buat aktiviti biasa *ore* [orang] sikit *je* [sahaja], *tak* [tidak] ramai. Kita biasa buat program, setakat ni [ini] Alhamdulillah ramai orang mari. Sebab kita beri penekanan sesuatu aktiviti kalau buat *takde ore tu* [tiada orang itu], kita kira macam kurang berjaya. Bukan gagal tapi kurang berjaya. Contohnya buat program besar, tapi ada *ore* [orang] sepuluh *ore* [orang], kan. Kita nak sekurangnya, ramailah *ore* [orang] dan kita boleh katakan banyak yang mendapat liputan akhbar. Minggu ni *sajo rasonyo tigo pak kali dah rasanyo* [sahaja rasanya tiga empat kali sudah rasanya] masuk akhbar. Berkaitan dengan program PUSTOHOI, program jom baca serentak. Semalam, masuk astro awani. (telefon bordering)

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: CABARAN, SUMBANGAN DAN HARAPAN

Berdasarkan pengalaman atau pengetahuan tuan, boleh taun ceritakan sedikit apakah cabaran yang pernah dihadapi oleh bangunan PPAK ini dari aspek pembinaan, penjagaan ataupun pengurusan serta apakah sumbangan dan harapan tuan?

**NR : Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh pembangunan ini?**

EA : Dari segi tempoh pembangunan *tu* [itu] saya *tak* [tidak] tahulah projek *ni* [ini] *delay* [kelewatan] ke *tak* [tidak]. Cuma yang saya tahu ada sikit penambahan kos. Mungkin asal dua tiga juta [2000000, 3000000], mungkin ada sikit. Saya dapat tahu ada sikit tambahan kos. Mungkin pada *estimation* [anggaran] yang pertama *tu* [itu] mungkin 3 [tiga] juta lebih sikit kan tapi *tu* [itu] masalah. Dari segi *delay* [kelewatan] *tu* [itu] saya *tak* [tidak] pasti ada *delay tak* [kelewatan tidak] masa pembinaan *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu] dari segi penjagaan, apabila *dah* [sudah] siap penjagaan, *aircond* [penyaman udara] kita dulu pakai *centralised* [berpusat] tapi sebab *dah* [sudah] lama rosak, jadi kita tukar *aircond* [penyaman udara] yang split unit yang unit-unit ada. *Lepas tu* [selepas itu] dari segi penjagaan landskap. Kalau tengok landskap sekeliling *ni* [ini], menyebabkan kos kita nak jaga kan. *Lepas tu* [selepas itu] dari segi wiring [pendawaian] lama, memerlukan kos juga untuk tukar. Cat, sekarang *ni* [ini] kita *dah* [sudah] tukar cat warna-warni dulu. Lepas tu air, sistem bekalan air sebab kita guna air Kelantan hari *tu* [itu], banyak selalu air Kelantan ada *problem* [masalah]. Kadang-kadang *tak ada* [tiada] air, sehari dua hari *tak ada* [tiada] air (ketawa kecil). Tapi sekarang *ni* [ini] kita banyak pakai yang air boring. Alhamdulillah, *tak* [tidak] terputus, ada juga terputus tapi *tak* [tidak] kerap macam dulu. Maknanya pertama sekali, dari segi *maintenance* [penyelenggaran] kalau awak tengok ada bocor. Bangunan *ni* [ini] dia bumbung macam *tu* [itu], bumbung pakai zink bocor. Kadang-kadang hujan lebat kan, habis

(ketawa) sampai ke dalam. Bangunan *ni* [ini] pernah sampai buku lali air, bocor kan. Tapi kita *dah* [sudah] banyak kali *dah* [sudah] *repair* [baiki] tapi tak tahu luh *tak* [tidak] fungsi. *Tak* [tidak] sampai kita kena panggil JKR [Jabatan Kerja Raya], panggil bomba untuk buat, pun *tak* [tidak] jumpa jugak jalan penyelesaian lagi. Tak tahu mungkin *in future* [masa hadapan] jumpa kot. Cuma *costing* [kos], kita ingat nak buat bumbung *kat* [dekat] atas terus untuk tutup tapi kita kurang sumber kewangan kita biar dulu, kita baiki sikit-sikit. *Pahtu* [selepas itu] yang banyak sekarang *ni* [ini] *threat* [ancaman], kadang-kadang dalam seminggu ada sekali dua kali *threat* [ancaman] kan. *Threat* [ancaman] *ni* [ini] bahaya, kadang-kadang kita tengah buat kerja, *tak* [tidak] sempat nak *save* [simpan] habis. Bila kita *activate* [aktifkan] kita punya *auto save tak pe* [automatik simpan tidak mengapa]. *Pahtu* [selepas itu] bekalan air. Itulah antara, maknanya perkhidmatan bangunan bagi meneruskan kelangsungan kegunaan bangunan *ni* [ini] dan kalau ikutkan dengan jumlah pengunjung sekarang *ni* [ini] makin ramai kalau mari hari sabtu penuh, *tak* [tidak] muat bangunan. Memang kita nak kalau boleh buat bangunan baru. Tapi *tak* [tidak] ada peruntukan lagilah, inshaa Allah, kalau ada peruntukan kita boleh besarkan lagi bangunan *ni* [ini].

**NR : Apakah kesukaran yang tuan hadapi semasa bekerja di PPAK?**

EA : Yang pertama sekali kalau kerja semua *ni tak* [ini tidak] ada sukar tapi yang paling sukar adalah kita berhubung dengan manusia. Kadang-kadang kita maksudkan lain, kita nak buat lain tapi dia faham lain. Itu yang sukar jadi kita perlu ada satu komunikasi, satu cara atau kaedah komunikasi yang boleh faham dan dia buat seperti apa yang kita nak. Contohnya kita bagi *kat* [dekat] dia, okay *you* [awak] buat *ni* [ini]. Kadang-kadang dalam kalau kita *tak* [tidak] bagitahu dia bila dia

kena hantar, bila dia kena tunjuk kan, berapa banyak dia kena buat, dia *tak* [tidak] jelas. Dia *pulak* [pula] pun *tak* [tidak] tanya bila nak, berapa banyak nak, macam mana nak kan. Jadi banyak sebenarnya dalam pekerjaan *ni* [ini] komunikasi tidak jelas membawa kepada tindakan yang tidak betul. Bila tindakan yang tidak betul, akan membawa hasil yang tidak betul. Jadi kalau komunikasi tu [itu] boleh jelas, dan dia faham. Dia *tak* [tidak] faham dia tanya kita dan dia akan bertindak dengan betul insha Allah hasilnya pun akan betul juga.

**NR : Bagaimakah tuan menghadapi masalah tersebut?**

EA : Okay, untuk menghadapi masalah tersebut pertama sekali saya biasa kita akan buat *briefing* [taklimat]. Dalam *briefing* [taklimat] tersebut kita akan tanya faham ke tidak. Kalau malu sekarang balik dulu buat, *tak* [tidak] faham tunjuk *kat* [dekat] kita. Nanti kita akan buat *correction* [pembetulan]. Suatu benda akan buat *first draft, second draft, third draft and then final draft* [draf pertama, draf kedua, draf ketiga dan kemudian draf terakhir]. Tapi setakat *ni* [ini] bila kita buat macam *tu* [itu] kita letak dateline, contoh bila kita buat, bila nak kena hantar. Benda *tu* [itu] dapat dikurangkan, *reduce* [kurang] sikit. Ada berlaku tapi kurang sikit dan bertambah baiklah.

**NR : Adakah tuan mempunyai pesaing terdekat sepanjang bertugas di PPAK?**

EA : *Tak* [tidak] ada pesaing *tak* [tidak] ada pesaing. Ada *saing je* [kawan sahaja]. Pesaing tu *tak* [tidak] ada pesaing. Saya pun tak ada niat nak bersaing (ketawa) okay.

**NR : Pada masa yang akan datang, apakah sumbangan tuan terhadap PPAK ini?**

EA : Pada masa akan datang saya harap Allah S.W.T. memberikan saya kesihatan, memberikan saya buah fikiran, idea macam mana untuk terus berkhidmat dengan Perpustakaan Awam Kelantan ini agar dapat saya menyumbangkan bakti dan khidmat saya selagi mana saya berada di sini agar dapat kita membentuk sebuah masyarakat yang cinta kepada ilmu pengetahuan, dapat mencapai visi dan misi jabatan *ni* [ini]. (bunyi mesej dari telefon) dan warga PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] akan terus cemerlang, digunakan perkhidmatan oleh masyarakat dan akan sentiasa *relevant* [berkaitan] perkhidmatan perpustakaan ini, yang sentiasa *relevant* [berkaitan] dan satu lagi berharap supaya boleh mendapat dana yang banyak daripada kerajaan. Bila dana banyak, duit *dah* [sudah] banyak baru kita boleh buat banyak program yang banyak pada masyarakat. Kalau ada idea saja, tapi duit *takde* [tiada], macam mana mau buat kan sebab orang bila buat program orang akan nak ada makan, ada hadiah kan. Kalau dapat dana yang baik dan satu lagi saya juga berharap PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] ini kalau kita buka jawatan kosong ke apa, boleh dapat *staff* [pekerja] yang betul-betul *competence* [kecekapan], staf yang betul-betul minat bidang perpustakaan *ni* [ini] yang betul-betul dia *competence* [kecekapan], lagi senang kita nak pergi jauh ke hadapan, inshaa Allah.

**NR : Adakah PPAK akan membuat sumbangan kepada mana-mana pihak yang memerlukan pada masa akan datang? Jika ya, apakah jenis sumbangan tersebut?**

EA : Kita memang sentiasa memberi sumbangan pada masyarakat terutama sekali ilmu pengetahuan dan kita juga buat program CSR, contohnya pergi kampung orang

asli, jumpa masyarakat orang asli, buat program dan yang terbaru untuk bulan Ramadhan yang akan datang *ni* [ini], kita akan buat ziarah Ramadhan, ‘Aku Dihatimu’. Kita tengah mengumpul dana sekarang *ni* [ini], dah [sudah] ada dekat berapa ribu ringgit *dah* [sudah], kita akan pergi kerumah-rumah orang yang kurang bernasib baik, kita akan pergi hantar bantuan, kita bagi beras, minyak, gula. *Tu* [itu] salah satu cara kita nak membantu masyarakat kita dan kita alukan siapa nak bagi menyumbanglah, bagi kepada perpustakaan dan perpustakaan membuat ziarah Ramadhan ‘Aku Dihatimu’. Jadi kita bergerak ke arah situ sebab kita nak berfikir bukan kita *je* [sahaja] nak senang, kita nak orang lain dapat merasa kebahagian.

**NR : Apakah impian tuan terhadap pembangunan PPAK sebagai sebuah organisasi penting untuk kemajuan negara?**

EA : Impian saya adalah suatu hari nanti perpustakaan akan menjadi seperti *shopping mall complex* [kompleks membeli-belah]. Saya nak jadikan pustaka sebagai satu tempat kepada pembangunan komuniti, pusat pembangunan komuniti sebab perpustakaan *ni* [ini] perkhidmatan yang percuma. Kalau pergi tempat lain *supermarket* [pasar raya] kena bayar, nak guna wifi kena bayar. Pustaka wifi percuma, pinjam buku boleh, lepak boleh untuk kanak-kanak semua. Jadi masyarakat kita *ni* [ini] harap suatu hari nanti masyarakat *ni* [ini] dapat sedar bahawa perpustakaan ini adalah satu tempat untuk membangunkan diri mereka, anak-anak mereka sebab kebanyakan yang datang pustaka *ni* [ini], *ore kelate kata jadi ore* [orang Kelantan cakap jadi orang]. *Gitulah* [begitulah] harapan saya semoga perkhidmatan perpustakaan *ni* [ini] dapat digunakan masyarakat yang akan terus relevant [berkaitan] dalam masyarakat kita. Insha Allah.

**NR : Apakah harapan tuan terhadap sambutan masyarakat untuk mencapai ‘Knowledge-based Society’?**

EA : Itu harapan yang kita supaya masyarakat pada hari ini, bila dia guna perkhidmatan perpustakaan, sebab maklumat perpustakaan ni, maklumat yang *reliable* [boleh dipercayai]. Sekarang ni kita ada banyak whatsapp, whatsapp group, kita ada Mr. Google, kita ada macam-macam *search engine* [enjin carian] dalam internet tapi bahan-bahan *tu* [itu] Wikipedia. Bahan-bahan *tu* [itu] belum tentu kesahihannya. Apabila masyarakat kita mengambil semua daripada yang tidak sahih, maklumat *tu* [itu] kalau tepat okay. Kalau maklumat *tu* [itu] tidak tepat, ia akan membawa kepada keputusan yang tidak tepat kerana kita merujuk kepada semua jenis tepat. Rujuk dari sumber *tak* [tidak] tepat, kita buat penilaian *tak* [tidak] tepat, keputusan *tak* [tidak] tepat maka hasil kepada sesuatu pekerjaan itu juga akan menjadi tidak tepat. Jadi untuk *knowledge based* [pengetahuan asas] *ni* [ini] kena didik masyarakat kita supaya menjadi sebuah masyarakat yang gemar menggunakan perpustakaan dan kita mahu masyarakat kita ni mempunyai pendidikan literasi maklumat. Sebab bila masyarakat ada literasi maklumat, baru masyarakat boleh tahu ini betul ini *tak* [tidak] betul, ini fitnah ke, *tak* [tidak] fitnah. Kita tengok banyak kesan terjadi bila masyarakat buat keputusan salah dalam kehidupan seharian mereka. Kesan daripada tidak ada literasi maklumat, mudah orang tipu, jadi kalau ada literasi maklumat, insha Allah masyarakat kita akan jadi masyarakat yang berhati hati dalam menilai sesuatu.

**NR : Adakah tuan berharap agar PPAK dikenali di luar negara?**

EA : Memang kita berharap agar PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] ni dapat dikenali di luar negara. Sebab itu kita tiap-tiap tahun, bukan tiap-tiap tahun, boleh kata *acap kali* [selalu] dan tahun *ni* [ini] pun kita akan pergi luar negara untuk IFLA [International Federation Library Association]. Pada tahun lepas kita pergi dekat Malaysia *je* [sahaja] sebab dekat Malaysia *je* [sahaja] buat dan kita telah menyertai pertandingan poster tahun lepas di Kuala Lumpur. Kita masuk satu poster dan kita bajet poster boleh buat dan tahun ni juga kita *dah* [sudah] dapat *confirmation* [pengesahan] dengan IFLA [International Federation Library Association] di Ethernrs. Pada tahun *ni* [ini] kita *dah* [sudah] dapat satu pernyertaan *booth* [gerai] untuk mempamerkan kita punya poster kita. Jadi secara *tak* [tidak] langsung orang sudah tahu kewujudan PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan] ini yang datang daripada Kota Bharu. Orang kenal bila ada poster *tu* [itu] orang tahu dan kita juga ada hantar *paper* [kertas] tapi *tak* [tidak] terpilih *paper* [kertas] kita. Kalau terpilih boleh dibentangkan. *Tak* [tidak] terpilih nak buat macam mana. Kita cuba lain kali insha Allah.

**NR : Apakah pesanan tuan kepada bakal-bakal pustakawan diluar sana yang akan menceburkan diri dalam bidang kepustakawanan?**

EA : Pesan saya kepada adik-adik yang baru, orang muda yang menceburkan diri dalam perpustakaan. Yang pertamanya kena pastikan anda semua berilmu kerana kalau anda *tak* [tidak] ada ilmu, anda *tak* [tidak] boleh buat apa. Semua benda nak buat kena mesti ada ilmu dan ilmu *tu* [itu] kena mari dari sumber yang benar. *Tak* [tidak] boleh main *olok-olok* [tipu-tipu] je (ketawa). Semua nak masa belajar *ni* [ini], belajar betul-betul sebab sebagai pustakawan anda adalah seorang yang

profesional maklumat. Anda kena mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Pasal bila pustawan ni *no boarder* [tak ada sempadaan]. Ilmu dalam bidang pustawan *tak* [tidak] ada. Orang tanya pasal *ni* [ini] kita kena tahu. Orang tanya pasal *tu* [itu] kita kena tahu. Pertama kita kena ada literasi maklumat. Pasal itu adalah *core* [teras] kepada bidang pustakaan. Macam mana nak nilai maklumat, macam mana nak tahu kesahihan maklumat, macam mana nak tahu mana nak dapat maklumat. Macam mana nak guna carian dalam google. Sebagai seorang pustakawan itu kena tahu. Yang kedua anda kena tahu nak buat *paper* [kertas]. Nak buat satu program mesti kena *paper* [kertas]. Anda kena tahu macam mana nak buat *paper* [kertas] program macam ni, nak jumpa siapa, dengan *company* [syarikat], semuanya kena tahu dalam *paper* [kertas]. *You* [awak] kena tahu macam mana nak *coordinate* [menyelaras], nak *organise* [menyusun] siapa yang terlibat nak buat *ni* [ini], nak agih tugas pada siapa sebab sebagai seorang pustakawan bukannya hanya pilih buku sahaja. Yang ketiga anda kena mesra alam sebab *you* [awak] kerja dengan --- contohnya *public library* [perpustakaan awam], *you* [awak] kena tahu siapa *you* [awak] punya *user* [pengguna]. *You* [awak] kena pergi tanya *user you* [pengguna awak] suka *tak* [tidak] perkhidmatan kita, bagus *tak* [tidak], macam mana lagi nak membaguskan perkhidmatan kita. Kena banyak senyum, kena peramah, *tak* [tidak] boleh diam, *tak* [tidak] boleh jadi pustakawan jadi sompong. Kena mesra alam. Dan pustakawan juga perlu jadi seorang yang boleh bercakap di khalayak pasal pustakawan sekarang kena bergerak pergi ke sekolah, pergi ke institut pengajian tinggi, boleh bagi ceramah pasal literasi maklumat, *talk* [ceramah] pasal galakan membaca. *Tak* [tidak] boleh duduk pejabat, kena keluar di lapangan. Macam saya dekat sini, saya selalu pergi sekolah bagi galakan membaca. Kadang-kadang ada tujuh lapan ratus [700, 800] pelajar

di depan. Bagi *talk* [ceramah] pasal pustakaan bagi perkhidmatan kita apa yang kita ada. Kena sentiasa dan kena berfikiran positif dan kreatif. Macam mana untuk *expand* [mengembang] kita punya perkhidmatan sebab kalau pustakaan, orang yang nak bekerja dalam bidang pustakawan *ni* [ini], *tak* [tidak] menigkat dia punya pengetahuan dan juga dia *tak* [tidak] mahu berubah. Perkerjaan ini akan diambil alih orang lain, itu yang terjadi pada hari ini. Orang lain yang akan nampak kerja pustakawan apa benda. Kerja *ni* [ini] boleh buat, orang *tu* [itu] boleh buat. Jadi orang kerja bidang pustakawan *ni* [ini] kena jadi seorang yang *enigizer* [bertenaga], seorang yang cergas, seorang yang boleh membuat perbaharuan supaya perkhidmatan perpustakaan *ni* [ini] sentiasa *relevant* [berkaitan]. Tidak sekarang *ni* [ini] cari maklumat dalam google *je* [ sahaja], macam mana kita nak bagitahu *tak yah* [tidak payah] guna google, boleh guna tapi kena *mari* [datang] juga perpustakaan. Kita kene *create* [buat] satu [1] *awareness* [kesedaran] pada masyarakat. Dan cabaran yang paling besar adalah macam mana kita nak bawa masyarakat *ni* [ini] kepada masyarakat yang minat membaca. Ini satu cabaran daripada pustakawan. Pustakawan sendiri pun ada *tak* [tidak] minat membaca (ketawa). Macam mana kita nak bagitahu. Jadi *skill-skill* [kemahiran] ni semua perlu dan memang seorang pustakawan *ni* [ini] sebenarnya tugas dia memang luas. *Tak* [tidak] ada sempadan. Yang *basic-basic* [asas-asas] *tu* [itu] macam katalog itu biasa. Itu semua *dah* [sudah] belajar. *Pastu* [selepas itu] kalau pelajar sistem, dia kena guna kebolehan *tu* [itu] nak menguruskan perpustakaan menggunakan sistem. Macam saya dekat sini, dulu *tak* [tidak] ada sistem *report* [laporan]. Jadi saya masuk, susah, kita pun buat *report* [laporan] guna sistem. Kita buat sistem, saya buat guna platform google *je* [sahaja]. Semua cawangan seluruh Malaysia masukkan dalam *tu* [itu]. Saya boleh tengok dekat telefon, *tak* [tidak] ada guna

kos, *free cost* [kos percuma]. Saya buat *basic* [asas] dan saya punya pegawai IT [Information Technology] Officer sambung. Sekarang semua *dah* [sudah] ada sistem. Jadi kita kena gunakan kemahiran yang kita ada. Pertama sekali ingat yang saya cakap tadi paling penting ilmu kena sentiasa di *update* [kemas kini]. Ada ilmu dan ilmu *update* [kemas kini] *tu* [itu] kena ilmu yang benar.

**NR : Apakah harapan tuan terhadap bangunan PPAK ini terhadap generasi yang akan datang?**

EA : Saya berharap generasi yang akan dapat menggunakan sepenuhnya bangunan yang ada *ni* [ini] dan menjaga bangunan ini dengan baik. Maknanya *staff-staff* [pekerja-pekerja] *ni* [ini] akan datang *ni* [ini] menghargai bangunan ini sebab ia adalah satu icon di Kelantan ni. Icon keilmuan di Kelantan walaupun ia tidak luas ia tidak besar, ia tidak hebat tapi ia membawa misi yang besar iaitu membangunkan ilmu pengetahuan.

**NR : Bagaimanakah tuan lakukan kepada bangunan PPAK untuk dikenali dan diketahui kepada generasi muda yang akan datang?**

EA : Seperti kalau tengok dulu, dulu tiada *signboard* [papan tanda] dekat luar, sekarang *ni* [ini] di sekeliling jalan daripada *you* [awak] mari daripada machang tadi, ada *signboard* [papan tanda]. *You* [awak] daripada Tumpat nak *mari* [datang] sini ada *signboard* [papan tanda], *you* [awak] daripada Kubang Kerian nak *mari* [datang] ada *signboard* [papan tanda]. Itu unsur-unsur kita. *Lepas tu* [selepas itu] kita letak dalam google. Kita *dah* [sudah] daftarkan dengan google. Semua lokasi-lokasi perpustakaan di Kelantan *ni* [ini] kalau kita taip dekat google semua ada. Bukan sahaja perpustakaan ni, perpustakaan cawangan, perpustakaan desa semua *dah*

[sudah] ada dia punya *register* [daftar] dalam google. Kalau orang *search* [cari] memang keluar dan masa yang kita buat ni warna-warni pelik jadi orang boleh tahu.

**NR : Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan untuk mengembangkan perkembangan PPAK pada masa akan datang?**

EA : Kita banyak mengadakan aktiviti-aktiviti galakan membaca dan kita tidak tumpu *pada* [kepada] sini sahaja. Kita banyak pada keluar. Kita lebih kepada sekarang *ni* [ini] kita namakan *branding* [penjenamaan] satu keluarga kita panggil program kembara ilmu. Kembara ilmu inilah satu program kita membawa perkhidmatan kita keluar contohnya yang saya cakap tadi kita pergi ke PUSTOHOI, perkampungan orang asli. Kita juga buat kembara ilmu kita pergi masjid kita buat program dengan orang masjid. Kita pergi buat kembara ilmu yang membaca serentak *tu* [itu] buat dekat Tumpat di Pejabat Perpaduan Terbak di Tumpat. Dan kita juga pernah pergi ke sekolah SK Bahagia dekat Kuala Krai kembara ilmu naik motobot satu jam lebih naik motobot. Jadi itulah cara kita nak supaya perkhidmatan kita berkembang. Kita *tak* [tidak] ada tunggu orang mari, kita akan keluar dan kita buat kerjasama *smart partnership* [perkongsian pintar] dengan agensi-agensi kerajaan sebab kita tahu kita *tak* [tidak] boleh berdiri sendiri. Kita buat sama-sama dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara], dengan UMK [Universiti Malaysia Kelantan, dengan Perpaduan, dengan Pasti, dengan Kemas, dengan YIK [Yayasan Islam Kelantan] dan semua-semua yang terlibat dengan pembangunan pendidikan.

**NR : Adakah tuan berharap pekerja dan jawatan di PPAK bertambah?**

EA : Sudah semestinya kita mengharapkan dengan perkhidmatan kita dengan pelbagai perkembangan kita positif kita mesti perlu kepada tenaga kerja yang kreatif, tenaga kerja yang bukan ramai, tenaga kerja yang kreatif. Kita nak yang masuk *tu* [itu] adalah orang yang boleh menanggung kerja yang ada, dapat menyumbang kepada pembangunan PPAK [Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan]. Ramai juga yang duduk *tak* [tidak] jadi juga. Kalau 10 [sepuluh] orang boleh buat 1000 kerja, masuk 200 orang boleh buat 1000 kerja juga *tak* [tidak] ada guna. Memang kita nak *staff* [pekerja] tapi, kita nak *staff* [pekerja] yang *enigize* [bertenaga], *staff* [pekerja] yang faham fungsi kita, *staff* [pekerja] yang sentiassa bersemangat untuk memajukan, membangunkan organisasi kita ini.

**NR : Apakah harapan tuan kepada remaja-remaja yang bakal menceburkan diri dalam bidang pembangunan ini?**

EA : Sama seperti pustakawan tadi. Pertama sekali kena dekatkan diri dengan ilmu pengetahuan. *Time* [waktu] waktu belajar, belajarlah bersungguh sungguh. Banyakkan memerhati kepada keperluan masyarakat kita. Perkembangan-perkembangan IT [Information Technology], perkembangan-perkembangan maklumat semasa. Nak tidak kita kena berubah, dari semasa ke semasa. Sebab kalau kita *tak* [tidak] berubah orang lain yang akan tinggalkan kita. Kalau kita *duk* [duduk] takut lama nak seperti belajar dulu, nak seperti yang dulu kita akan ketinggalan. Tapi kita bukan mengorbankan kita punya identiti kita mesti kita meninggalkan identiti bangsa kita. Kita *get opportunities* [ambil peluang] *tu* [itu] dan kita terus ke depan tapi kita masih dengan --- kita. Kalau kita Islam, kita Islam. Kalau kita Melayu, Melayu kita. Bukan kita *dah* [sudah]berjaya, *loni* [sekarang]

pakai tudung *molek* [elok] *dah* [sudah] jadi CEO [Chief Executive Officer], tudung pun *tak* [tidak] pakai, kita masih diri kita tapi kita adalah diri kita yang boleh mencabar dengan perkembangan semasa. Kena berdasarkan ilmu pengetahuan yang benar.

**NR : Akhir sekali, apakah pesanan dan kata-kata terakhir tuan kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan ini?**

EA : Pesanan saya pada masyarakat pertama sekali untuk menjadi seorang berilmu pengetahuan bukan senang. Untuk menyediakan kemudahan ilmu kepada masyarakat bukannya senang kerana kami tidak mengetahui sebenarnya apakah kehendak masyarakat yang sebenar. Kami menyediakan perkhidmatan kemudahan maklumat *ni* [ini] sekadar kemampuan kami dan kami minta supaya masyarakat membantu kami, beritahu kepada kami apakah yang tuan-tuan semua perlukan dan silalah bawa anak-anak *mari* [datang] ke perpustakaan guna perkhidmatan kita pelbagai. Kita sediakan perkhidmatan, internet secara percuma, kita sediakan buku-buku untuk dibaca, kita sediakan aktiviti galakan membaca, ada hadiah lagi bagi kepada kanak-kanak. Bawa anak-anak selain daripada bawa anak-anak pergi berjalan di *shopping mall* [pusat membeli-belah], pergi jalan tempat-tempat yang kena bayar, baik masuk perpustakaan. Perpustakaan adalah percuma. Kita buka daripada hari sabtu sehingga hari khamis. Tutup 1 [satu] hari sahaja dan kita ada seluruh cawangan kita. Harap masyarakat dapat menghargai dan dapat guna perkhidmatan ini. Masyarakat dapat mempromosikan perkhidmatan perpustakaan. Kita sentiasa membuat promosi di dalam talian, internet, Facebook macam-macam kita buat supaya masyarakat kita tahu perkhidmatan kita dan guna sebab ada lagi masyarakat kita yang *mari* [datang]

sini tanya “kena bayar ke masuk?” Ada lagi, bukan ---. Eh kena bayar ke masuk, mentality. Bila kata perpustakaan awam, tiada *tak* [tidak] kena bayar. Cuma bila pinjam buku sahaja baru boleh jadi ahli. Nak guna kemudahan *tak* [tidak] ada masalah. Dan saya berharap itulah masyarakat kita dapat guna kemudahan perpustakaan, dapat bawa anak-anak. Pertama skali bawa anak-anak, orang tua *tok se* [tak nak] baca *tak apo* [tidak mengapa]. Bawa anak-anak jah mari tinggal sini sebab bila dia *dah* [sudah] biasa dengan perpustakaan dia akan datang. Sama juga seperti masjid. Kalau mak ayah dia biasa bawa ke masjid, besar, dia akan pergi ke masjid. Kalau daripada kecil *tak* [tidak] rajin ke masjid, anak-anak besar *tak* [tidak] pergi masjid, dia takut. Pustakaan begitulah, kecil kita biasa bawa dia, besar pun dia akan *mari* [datang] ke pustakaan. Dia akan guna kemudahan pustakaan. Dan akhir sekali, diharapkan profesional-profesional yang ada di luar sana. Kalau ada program yang baik, bawa ke pustakaan. Contohnya nak buka tuisyen percuma, nak buat program, nak buat kelas ke apa boleh guna perkhidmatan pustakaan. Sama-sama kita majukan masyarakat dan jadikan pustakaan ini adalah tempat pembangunan komuniti. Bangunan maklumat setempat. Dan akhir kata semoga kita ni semua berjaya melahirkan sebuah masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan kerana bangsa yang cintakan ilmu bangsa yang membaca itulah bangsa yang berjaya. Sekian, terima kasih.

## TAMAT BAHAGIAN 5

Demikian tadi temubual mengenai latar belakang tuan dan sejarah bangunan PPAK yang ditubuhkan pada tahun 1938 hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan. Semoga hasil rakaman ini akan member manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

# **LAMPIRAN**

## **LOG WAWANCARA**

Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz menemubual Encik Mohd Azizi Bin Zainuddin, yang dilahirkan pada 7 April 1980, di Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Kota Bharu, Kelantan mengenai latar belakang beliau dan sejarah bangunan PPAK.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.58	Nama penuh tokoh	Mohd Azizi bin Zainuddin
1.10	Nama singkatan tokoh	Encik Azizi
1.27	Bilakah tokoh dilahirkan	7 April 1980
	Berapakah usia tokoh sekarang	39 tahun
1.45	Tempat kelahiran	Kota Bharu, Kelantan
1.55	Tokoh dibesarkan	Kampong Dusun Masar, Kadok Ketereh Kota Bharu Kelantan
2.08	Bilangan adik-beradik	11 orang
	Anak yang keberapa	Anak ke 7
2.24	Nama bapa tokoh	Zainuddin Bin Hussin
2.35	Pekerjaan bapa tokoh	Tukang rumah
2.55	Nama ibu tokoh	Siti Ramiyah Binti Yahya
3.04	Perkerjaan ibu tokoh	Suri rumah tangga
vii		
3.12	Adakah tokoh sudah berkahwin	Ya, sudah berkahwin

3.21	Tahun bilakah tokoh berkahwin  Berapakah usia tokoh ketika itu	Tahun 2007  27 tahun
3.41	Nama isteri tokoh	Nur Harizan Binti Ya
3.50	Usia isteri tokoh	38 tahun
4.08	Pekerjaan isteri tokoh	Pembantu pengurusan murid di sekolah
4.20	Isteri tokoh berasal	Pintu Geng, Kota Bharu
4.29	Bilangan anak	3 orang
4.40	Nama anak-anak tokoh	Nur Adlin Nazurah  Mohd Asfar Nafis  Nur Aisyah Nazlin

## **BAHAGIAN 2: PEKERJAAN AWAL HINGGA KINI**

5.49	Pekerjaan awal tokoh	Site supervisor di tapak bina  Bekerja dengan UiTM sebagai juruteknik
13.20	Berapa lamakah tokoh bekerja di situ	Hampir 10 tahun
13.59	Pencapaian tertinggi	Menang tempat pertama dalam salah satunya general filem pendek

## **BAHAGIAN 3: SEJARAH PENDIDIKAN**

28.32	Pendidikan awal tokoh	Sekolah Rendah Kebangsaan Ketereh  Sekolah Menengah Kebangsaan Ketereh
-------	-----------------------	--

		Sekolah Menengah Kadok
29.24	Percapaian tertinggi	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

#### **BAHAGIAN 4: ASAL USUL BANGUNAN**

##### **i. Sejarah**

35.35	Bilakah bangunan dibina	Tahun 1938
38.52	Nama asal bangunan	Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan
40.28	Siapakah yang memberi nama bangunan	Ahli lembaga pengarah, Datuk Wan
42.05	Tujuan bangunan ini dibina	Menjalankan fungsi sebuah perpustakaan
43.08	Objektif bangunan ini	<p>Menyediakan prasaran perpustakaan kepada masyarakat</p> <p>Menyimpan koleksi-koleksi perpustakaan</p> <p>Meyediakan ruang-ruang bacaan yang kondusif dan selamat untuk digunakan</p>
43.44	Visi, misi dan moto bangunan ini	<p>Berusaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya ilmu</p> <p>Melahirkan masyarakat yang berbudaya ilmu</p> <p>“Bangsa Membaca Bangsa Berjaya”</p>
45.58	Kos untuk bangunan ini ditubuhkan	3 juta lebih
48.19	Maksud logo	Buku menunjukkan bahawanya perpustakaan ini adalah pusat ataupun badan

		yang menguruskan ilmu pengetahuan
50.16	Peristiwa yang tidak dapat dilupakan	4 tahun lepas, menara yang disewa oleh Telecom ada alat dalam bilik dia terbakar.
56.25	Bahan yang terdapat di PPAK	Bahan bercetak, bahan tidak bercetak  Buku, majalah  AV, CD, VCD, e-pustaka
ii. Rekabentuk		
57.51	Bangunan ini mempunyai berapa tingkat	2 tingkat sahaja
58.16	Tujuan warna ini dipilih untuk bangunan	Untuk menarik perhatian
59.23	Berapakah unit yang ada	6 unit
1.04.32	Keunikan rekabentuk bangunan	Bumbung macam minang  Menunjukkan ciri-ciri kemelayuannya
1.05.33	Mendapat inspirasi untuk membina rekabentuk	Dari pada pengarah, arwah Nik Harif
1.06.54	Anugerah atau pengiktirafan disebabkan rekabentuk bangunan	Tidak mendapat anugerah  Banyak menerima lawatan daripada negeri-negeri lain datang nak tengok model perpustakaan yang terbaik pada masa tersebut
iii. Pentadbiran		
1.10.11	Berapakah pekerja yang bekerja	Dulu tidak sampai 20 orang

		Kini dekat 40 orang
1.11.32	Bilangan pekerja di PPAK mencukupi	Sederhana mencukupi
1.12.40	Jawatan yang ada di dalam PPAK	<p>Pengarah</p> <p>Timbalan Pengarah,</p> <p>Penolong-penolong kita panggil ketua-ketua unit, ketua bahagian ada.</p> <p>Ketua bahagian pengdokumentasian teknikal</p> <p>Ketua bahagian perolehan atau pembangunan koleksi.</p> <p>Ketua bahagian catalog</p> <p>Ketua bahagian perkhidmatan</p> <p>Ketua bahagian rangkaian,</p> <p>Ketua bahagian pentadbiran</p> <p>Ketua bahagian IT.</p> <p>Penyelia-penyelia, Unit pembangunan</p> <p>Kerani kanan</p>
1.13.59	Jawatan apakah yang paling tinggi Siapakah beliau	<p>Pengarah</p> <p>Encik Roslan Bin Ludin</p>
iv. Kejayaan		
1.15.45	Kejayaan yang paling besar	Dapat five-star rating untuk audit negara
1.19.51	Punca menyebabkan PPAK dikenali ramai	Staffnya bersatu hati

1.23.23	Apakah anugerah PPAK pernah terima	Tertinggi adalah audit
1.24.01	Kejayaan ini berpunca daripada kerjasama antara luar negara	Tidak
1.24.52	Perasaan semua pekerja PPAK	Bangga
1.27.04	Kejayaan yang dicapai berpunca daripada kerjasama antara pekerja	Sudah semestinya
1.27.39	Langkah-langkah yang dilakukan sehingga mendapat kejayaan	Memberi peluang untuk membuktikan bakat
1.29.22	Mengiktiraf kejayaan	Pengurusan tertinggi  Pengarah, ahli board member

#### **BAHAGIAN 5: CABARAN, SUMBANGAN DAN HARAPAN**

1.31.33	Cabaran yang dihadapi	Ada sikit penambahan kos
1.34.58	Kesukaran yang tokoh hadapi	Berhubung dengan manusia
1.36.24	Cara tokoh menghadapi masalah tersebut	Buat taklimat
1.37.13	Pesaing terdekat tokoh	Tiada
1.37.37	Sumbangan tokoh	Memberikan idea macam mana untuk terus berkhidmat
1.40.31	Impian tokoh	Jadikan pustaka sebagai satu tempat kepada pembangunan komuniti perkhidmatan yang percuma
1.41.54	Harapan tokoh terhadap ‘Knowledge-based Society’	Knowledge based ni kena didik masyarakat kita supaya menjadi sebuah masyarakat yang gemar menggunakan perpustakaan

		dan kita mahu masyarakat kita ni mempunyai pendidikan literasi maklumat
1.45.11	Pesanan tokoh kepada bakal-bakal pustakawan	<p>Belajar betul-betul sebab sebagai pustakawan anda adalah seorang yang professional maklumat.</p> <p>Kena mempunyai ilmu pengetahuan yang luas</p>
1.55.26	Harapan tokoh kepada remaja-remaja	Dekatkan diri dengan ilmu pengetahuan
1.57.05	Pesanan dan kata-kata terakhir tokoh kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan	<p>Untuk menjadi seorang berilmu pengetahuan bukan senang</p> <p>Menyediakan perkhidmatan, internet secara percuma, kita sediakan buku-buku untuk dibaca, kita sediakan aktiviti galakan membaca, ada hadiah lagi bagi kepada kanak-kanak</p>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00 pg	4 <sup>th</sup> April 2019	Membuat penyelidikan mengenai bangunan bersejarah di Kelantan	Membuat carian di Google
9.00 pg	9 <sup>th</sup> April 2019	Panggilan Telefon  Membuat panggilan kepada beberapa organisasi untuk membuat pilihan organisasi yang bersetuju untuk kami menemuramah tentang sejarah bangunan .	Kami memilih Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)
3.00 ptg	16 <sup>th</sup> April 2019	Menghantar soalan-soalan yang akan ditemu duga dan surat pengesahan penyelidikan	Menghantar melalui email
12.00 tgh hari	18 <sup>th</sup> April 2019	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemu ramah pada hari, masa dan tempat yang telah ditetapkan dan mendapat persetujuan dari kedua-dua belah pihak.	Menghubungi orang yang berkenaan di PPAK
11.00 pg	20 <sup>th</sup> April 2019	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada	Meghubungi tokoh itu sendiri untuk mendapat

		<p>tokoh untuk kali ketiga. Panggilan ini adalah untuk mendapat pengesahan tarikh dan masa untuk ditemu ramah tetapi kami memilih tarikh dan masa untuk menemu ramah, tokoh sibuk pada tarikh dan masa yang kami tetapkan.</p>	penegesahan
11.00 pg – 1.00 ptg	28 <sup>th</sup> April 2019	<p>Perjumpaan bersama tokoh Perjupaan berlaku di bilik Timbalan Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan</p>	<p>Penyerahan soalan untuk ditemuduga dan menemuduga tokoh dalam masa yang telah ditetapkan</p>

## **Lampiran A**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Allyssa Athira Binti Mohd Bakri** dan **Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz** bersama **Encik Mohamad Azizi** mengenai **latar belakang dan sejarah bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan** yang ditubuhkan pada tahun 1938 hingga kini. Temubual ini dijalankan di **Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan** pada **28 April 2019**.

### **SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD AZIZI**

#### **LATAR BELAKANG TOKOH**

Assalamualaikum tuan, saya Nurul Rasyiqah Binti Ab Aziz, dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Machang. Sebelum kita bermula ini, saya ingin menemubual tuan mengenai latar belakang tuan.

1. Apakah nama penuh tuan?
2. Apakah nama samaran tuan?
3. Bilakah tuan dilahirkan dan berapakah usia tuan sekarang?
4. Dimanakah tuan dilahirkan?
5. Dimanakah tuan dibesarkan?
6. Berapakah bilangan adik-beradik tuan dan tuan anak yang ke berapa?
7. Siapakah nama bapa tuan?
8. Apakah pekerjaan bapa tuan?
9. Siapakah nama ibu tuan?
10. Apakah perkerjaan ibu tuan?
11. Adakah tuan sudah berkahwin?
12. Pada tahun bilakah tuan berkahwin dan berapakah usia tuan ketika itu?
13. Siapakah nama isteri tuan?
14. Berapakah usia isteri tuan?
15. Apakah pekerjaan isteri tuan sekarang?
16. Dimanakah isteri tuan berasal?
17. Tuan mempunyai berapa orang anak?
18. Siapakah nama anak-anak tuan?
19. Adakah anak-anak tuan telah bekerja sekarang?
20. Adakah semua anak-anak tuan masih bersekolah?

## **PEKERJAAN AWAL HINGGA KINI**

Soalan seterusnya ialah mengenai serba sedikit tentang latar belakang pekerjaan tuan seperti pekerjaan awal tuan sehingga ke pekerjaan sekarang. Soalan pertama ialah:

21. Apakah pekerjaan awal tuan setelah tamat pengajian?
22. Apakah tanggungjawab dan tugas tuan sewaktu bekerja sebelum ini?
23. Berapa lamakah tuan bekerja di situ?
24. Apakah pencapaian paling tinggi tuan di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?
25. Mengapakah tuan berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan tuan?
26. Pernahkah tuan menerima anugerah semasa bekerja disitu?
27. Adakah pekerjaan tersebut membantu tuan dari segi kewangan atau pembelanjaan?
28. Apakah halangan tuan dalam memilih pekerjaan tersebut?
29. Apakah pekerjaan tuan sekarang?
30. Sejak bilakah tuan bekerja di tempat tersebut?
31. Mengapakah tuan bekerja di situ?

## **SEJARAH PENDIDIKAN**

Bahagian seterusnya ialah mengenai latar belakang pendidikan tuan. Di bahagian ini, tuan akan ditanya mengenai latar belakang pendidikan tuan iaitu dari Sekolah Rendah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai oleh tuan. Soalan pertama ialah:

32. Dimanakah tuan/puan bersekolah rendah dan menengah?
33. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh puan/tuan semasa di peringkat sekolah?
34. Semasa di sekolah menengah, tuan mengambil aliran apa?
35. Mengapakah tuan berminat terhadap mata pelajaran tersebut?
36. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah menengah?

## **ASAL USUL BANGUNAN**

Tujuan utama temu bual ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang asal usul dan sejarah pembinaan bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Oleh itu, bolehkah tuan ceritakan latar belakang sejarah penubuhan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

- Sejarah

37. Pada tahun bilakah bangunan ini dibina?
38. Mengapakah bangunan ini dibina pada tahun tersebut?
39. Apakah nama asal bangunan ini?
40. Mengapakah bangunan ini dinamakan dengan nama tersebut?
41. Adakah ramai yang memberi cadangan untuk nama bangunan ini?
42. Siapakah yang memberi nama bangunan ini?
43. Pernahkan nama bangunan ini ditukar untuk dinamakan dengan yang lain?
44. Dari manakah idea untuk memberi nama bangunan ini?
45. Apakah tujuan bangunan ini dibina?
46. Apakah objektif bangunan ini?
47. Apakah visi, misi dan moto bangunan ini?
48. Mengapakah Kota Bharu dipilih sebagai tempat untuk penubuhan bangunan PPAK ini?
49. Berapakah anggaran kos untuk bangunan ini ditubuhkan?
50. Siapakah yang mereka bentuk logo PPAK ini?
51. Apakah maksud logo tersebut?
52. Mengapakah logo ini dipilih sebagai simbolik kepada bangunan ini?
53. Adakah PPAK menggunakan logo yang lain sebelum ini?
54. Apakah peristiwa yang tidak dapat dilupakan yang pernah berlaku dibangunan ini?
55. Bilakah peristiwa tersebut berlaku?
56. Bolehkan tuan kongsikan apakah peristiwa itu dan bagaimana peristiwa itu berlaku?
57. Adakah ramai terkorban pada peristiwa tersebut?
58. Pada tahun bilakah bagunan ini dibina semula selepas peristiwa tersebut?
59. Semasa awal pembukaan PPAK, adakah ramai orang yang datang ke bangunan ini?
60. Apakah bahan yang terdapat di PPAK?

- Rekabentuk

Seterusnya dari aspek reka bentuk bangunan, boleh tuan ceritakan serba sedikit berkenaan dengan reka bentuk pembinaan bangunan ini. Soalan pertama ialah:

61. Bangunan ini mempunyai berapa tingkat?
62. Mengapakah warna ini dipilih untuk bangunan PPAK?
63. Berapakah unit yang ada di dalam bangunan ini?
64. Mengapakah PPAK menukuhan unit sebanyak itu?
65. Adakah setiap unit di dalam bangunan ini diletakkan di bangunan yang berbeza?
66. Apakah keunikan rekabentuk bangunan ini?
67. Dimanakah PPAK mendapat inspirasi untuk membina rekabentuk bangunan ini?
68. Pernahkan berlakunya perbalahan ketika memilih cadangan rekabentuk bangunan ini?
69. Pernahkah PPAK mendapat sebarang anugerah atau pengiktirafan disebabkan rekabentuk bangunan tersebut?
70. Pernahkan rekabentuk bagunan ini tersalah dibina sehingga perlu dirobohkan semula?
71. Adakah rekabentuk bangunan PPAK melambangkan negeri Kelantan atau unsur-unsur tradisional?
72. Pernahkah PPAK ditimpa bencana sehinggakan bangunan rosak?
73. Jika berlakunya kerosakan, apakah tindakan yang dilakukan oleh PPAK untuk mengekalkan rekabentuk asal?

- Pentadbiran

Selain itu, dari aspek pengurusan sesebuah bangunan semestinya amatlah penting untuk diambil berat. Oleh itu, bolehkah tuan ceritakan sedikit ilmu dan pengetahuan tentang pengurusan bangunan PPAK ini?

74. Berapakah pekerja yang bekerja di dalam bangunan ini semasa mula-mula bangunan ini dibuka?
75. Berapakah pekerja yang bekerja sekarang di dalam bangunan ini?
76. Adakah bilangan pekerja di PPAK mencukupi?
77. Apakah jawatan yang ada di dalam PPAK ini?
78. Jawatan apakah yang paling tinggi di dalam bangunan ini?
79. Siapakah beliau? (jawatan yang paling tinggi)

80. Beliau berasal dari mana (jawatan yang paling tinggi)
81. Boleh saya tahu, apakah tanggungjawab beliau sebagai jawatan pengarah itu?

- Kejayaan

Sebagai salah seorang yang penting dalam pengurusan dan organisasi di bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan ini, boleh tuan ceritakan kejayaan yang pernah di perolehi oleh bangunan PPAK?

82. Apakah kejayaan yang paling besar sejak awal penubuhan bangunan ini sehingga sekarang?
83. Pada pendapat tuan/puan, apakah punca menyebabkan PPAK dikenali ramai?
84. Pernahkah PPAK menerima anugerah? Jika ya, apakah anugerah tersebut?
85. Adakah sebahagian daripada kejayaan ini berpunca daripada kerjasama antara luar negara?
86. Apakah perasaan semua pekerja PPAK setelah mendapat kejayaan?
87. Apakah simbolik kejayaan terhadap bangunan ini?
88. Adakah kejayaan yang dicapai berpunca daripada kerjasama antara pekerja?
89. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh PPAK sehingga PPAK mendapat kejayaan?
90. Siapakah yang mengiktiraf kejayaan ini?
91. Adakah setiap program dan aktiviti yang dilakukan oleh PPAK berjaya dengan lancar?

## **CABARAN, SUMBANGAN DAN HARAPAN**

Berdasarkan pengalaman atau pengetahuan tuan, boleh tuan ceritakan sedikit apakah cabaran yang pernah dihadapi oleh bangunan PPAK ini dari aspek pembinaan, penjagaan ataupun pengurusan serta apakah sumbangan dan harapan tuan?

92. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh pembangunan ini?
93. Apakah kesukaran yang tuan hadapi semasa bekerja di PPAK?
94. Bagaimanakah tuan menghadapi masalah tersebut?
95. Adakah tuan mempunyai pesaing terdekat sepanjang bertugas di PPAK?
96. Pada masa yang akan datang, apakah sumbangan tuan terhadap PPAK ini?

97. Adakah PPAK akan membuat sumbangan kepada mana-mana pihak yang memerlukan pada masa akan datang? Jika ya, apakah jenis sumbangan tersebut?
98. Apakah impian tuan terhadap pembangunan PPAK sebagai sebuah organisasi penting untuk kemajuan negara?
99. Apakah harapan tuan terhadap sambutan masyarakat untuk mencapai ‘Knowledge-based Society’?
100. Adakah tuan berharap agar PPAK dikenali di luar negara?
101. Apakah pesanan tuan kepada bakal-bakal pustakawan diluar sana yang akan menceburkan diri dalam bidang kepustakawan?
102. Apakah harapan tuan terhadap bangunan PPAK ini terhadap generasi yang akan datang?
103. Bagaimanakah tuan lakukan kepada bangunan PPAK untuk dikenali dan diketahui kepada generasi muda yang akan datang?
104. Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan untuk mengembangkan perkembangan PPAK pada masa akan datang?
105. Adakah tuan berharap pekerja dan jawatan di PPAK bertambah?
106. Apakah harapan tuan kepada remaja-remaja yang bakal menceburkan diri dalam bidang pembangunan ini?
107. Akhir sekali, apakah pesanan dan kata-kata terakhir tuan kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan ini?

Demikian tadi temubual mengenai latar belakang tuan dan sejarah bangunan PPAK yang ditubuhkan pada tahun 1938 hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan. Semoga hasil rakaman ini akan member manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian, terima kasih.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan *Encik Mohd Azizi B. Zainuddin* Pada.....28 April 2019

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah (Tokoh)

Ketua pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan

## LAMPIRAN 1



Gambar 1: Gambar bersama Encik Azizi



Gambar 2: Bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)

# INDEKS

## A

Alhamdulillah, 3, 4, 10, 13, 14, 15, 16, 26, 33, 37, 43, 45  
Allah S.W.T, 18, 41

## B

Bangunan, 1, 6, 18, 19, 20, 29, 30, 45, 53, 57, 58

## I

IID, 9, 12

## K

Kelantan, 2, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 18, 19, 20, 21, 26, 28, 30, 33, 36, 38, 39, 40, 41, 45, 47, 50, 53, 54, 55  
KIK, 9, 38, 43  
Kota Bharu, 2, 3, 6, 9, 10, 22, 32, 50

## M

Masyarakat, 7, 8, 12, 13, 19, 21, 22, 24, 29, 38, 47, 49, 50, 52  
Membaca, 7, 8, 19, 22, 29, 31, 38, 40, 52, 54, 56, 58

## P

Pengarah, 7, 8, 14, 20, 23, 26, 30, 31, 36, 37, 43  
Perpustakaan, 6, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 18, 19, 20, 22, 24, 26, 27, 30, 33, 37, 41, 47, 48, 49, 51, 52, 56, 57  
Politeknik, 5, 6  
PPAK, 6, 8, 18, 20, 22, 24, 27, 30, 33, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 44, 46, 48, 50, 55, 58  
Pustakawan, 6, 14, 20, 51, 52, 53, 56

## S

Staff, 9, 12, 19, 23, 25, 31, 35, 36, 39, 40, 55  
SUK, 11, 39

## U

UiTM, 5, 6, 9, 10, 12, 23, 26, 38, 55  
Unit, 6, 7, 29, 30, 36, 44